

Bil. 3

**Selasa
13 Jun 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** [Ruangan 1]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka [Ruangan 18]
Baginda Yang di-Pertuan Agong
— Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- " Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- " Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- " Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATO' RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Pedawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN BASERI @ AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZHAT @ SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKHBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " TUAN CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, s.s.m., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).

- Yang Berhormat TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- ” TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- ” DATO’ HON CHOON KIM (Seremban).
- ” TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- ” TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO’ HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, (Rompin).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, (Kapit).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- ” TUAN JOHNITY @ MAXIMUS BIN ONGKILI (Bandau).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DATO’ DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- ” TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- ” TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- ” PUAN G. LEELAVATHI (Kapar).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” TUAN LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- ” TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- ” TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).

Yang Berhormat TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).

- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU AK RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Bagan)
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).

Yang Berhormat DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).

- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupa).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIN BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol(B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa 13hb Jun 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MAJALAH INTERNATIONAL —
FITNAH DAN KEJAHILAN
TERHADAP MALAYSIA**

1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha diplomatik yang telah dijalankan untuk membersihkan nama negara akibat fitnah sebuah majalah international kononnya Malaysia terbabit dalam kegiatan melatih pegganas Islam antarabangsa. Apakah pula tindakan yang dikenakan ke atas majalah yang menyebarkan fitnah tersebut.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita telah pun mengeluarkan kenyataan mengenai tuduhan yang tersebut dan telah menganggap penulisan itu adalah merupakan satu tuduhan yang tidak berasas dan dengan jelas menunjukkan kejahilan penulis berkenaan mengenai negara kita Malaysia.

Kerajaan dengan itu tidak bercadang hendak mengambil tindakan selanjutnya terhadap majalah berkenaan memandangkan penjelasan yang telah kita berikan dalam majalah yang berkenaan pada 24hb April yang lalu dan kita menganggap tindakan yang telah diambil itu sudah cukup wajar.

**GADIS BAWAH UMUR
DILAPOR HILANG — JUMLAH
KES**

2. Dr. Tan Yee Kew minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa ramaikah gadis-gadis bawah umur yang telah dilaporkan hilang setiap tahun sejak tahun 1990 hingga sekarang;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menangani masalah sosial ini; dan
- (c) bilakah pindaan "Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973" akan dilaksanakan dengan tujuan menambah hukuman ke atas penjenayah yang disabitkan kesalahannya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut laporan pihak polis sejumlah 9,185 gadis yang berumur 21 tahun ke bawah telah dilaporkan hilang sepanjang tahun 1990 hingga 1994. Angka terperinci mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1990	1,432
1991	1,785
1992	2,037
1993	2,076
1994	1,855

(b) Dalam menangani masalah sosial ini Kementerian Pembangunan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil langkah-langkah yang bersifat pencegahan dan pertolongan. Langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menangani masalah ini ialah:

- (i) memberi kesedaran kepada ibu bapa terhadap tanggungjawab mereka mendidik anak dan memberi perhatian yang lebih kepada anak-anak dan mewujudkan suasana kekeluargaan yang sihat agar anak-anak tidak mudah dipengaruhi oleh anasir yang negatif dan meninggalkan rumah.
- (ii) melaksanakan kempen kesedaran melalui media massa dan seminar kesedaran yang diusahakan sama dengan Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah dari masa ke semasa untuk memberi penekanan kepada peranan penting yang dimainkan oleh keluarga.
- (iii) mengisytiharkan "Hari Keluarga Kebangsaan" dan disambut setiap tahun.

(iv) mengadakan "Kempen Keluarga Bahagia" yang bertujuan untuk menyemaikan kesedaran yang kukuh dan baik di antara masyarakat umum.

(v) Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah juga mempunyai tugas memberi pertolongan kepada semua keluarga yang datang mengadu mengenai masalah anak-anak yang melarikan diri dari rumah mahupun yang sukar dikawal.

(vi) Kementerian dengan kerjasama PERTIWI telah mengadakan Pusat Aduan Remaja yang beroperasi dengan telefon tanpa TOL No. 138003441 bertempat di Tingkat 9, Wisma Shen, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

(vii) Sebuah rumah perantaraan telah diwujudkan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur yang diberi nama "Rumah Semarak Budi Pertiwi" bagi menampung sementara remaja yang telah melarikan diri dari rumah sehingga sesuatu tindakan dapat diambil untuk mengembalikan mereka kepada keluarga masing-masing.

(d) Deraf pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 di mana penjara wajib dan denda yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang bersabit dengan kesalahan-kesalahan mengenai wanita dan gadis seperti memperdagangkan

pelacur, meniagakan orang-orang perempuan, hidup atas pelacuran dan sebagainya sedang disediakan dan akan di bentangkan sebaik sahaja persediaan tersebut selesai.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu atas sebab-sebab apakah mereka lari dari rumah dan dalam keadaan manakah yang lebih banyak mereka ditemui ataupun tidak ditemui?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab mereka ini melarikan diri dari rumah—memang banyak faktor-faktor yang menyebabkan mereka lari, pertamanya, gadis-gadis ini tidak ada pekerjaan, lebih-lebih lagi di luar bandar. Jadi, apabila mereka tidak mendapat pekerjaan di luar bandar, mereka cuba mencari pekerjaan di luar kampung masing-masing. Oleh kerana itu mereka bolehlah berjumpa dengan sesiapa yang mahu mengambil kesempatan, oleh kerana gadis-gadis ini telah meninggalkan rumahtangga mereka.

Yang lain adalah oleh kerana pengangguran, dalam persekolahan mereka tidak mencapai kejayaan, lebih-lebih lagi kalau mereka ini tidak dapat menaiki ke darjah empat ataupun darjah yang tinggi lagi dan yang lain-lain mungkin disebabkan oleh kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai fikiran yang sama, jadi, kalau ibu bapa mereka tidak dapat bersama-sama, tentu sekali anak-anak pun tidak senang tinggal di rumah. Jadi, oleh kerana banyak perkara itulah yang menyebabkan mereka melarikan diri dari rumah—antara sebab-sebab yang lain.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, daripada 9,000 lebih anak-anak yang lari meninggalkan rumah ini, saya ingin tahu berapakah jumlah yang terjebak ataupun telah masuk ke dalam kancak-kancak maksiat seperti terlibat dalam bidang pelacuran.

Kedua, saya ingin tahu adakah kementerian membuat kajian sama ada terlibat sindiket-sindiket yang membawa anak-anak gadis ini, yang memujuk anak-anak gadis daripada kampung untuk terjebak dalam masalah ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengambil perhatian berat terhadap masalah sosial ini dan daripada tindakan-tindakan yang selalu dibuat oleh jabatan yang bertanggungjawab, iaitu pada tahun 1993 telah membiayai satu kajian mengenai orang hilang di Semenanjung Malaysia yang dijalankan oleh pihak ISIS dan Universiti Malaya dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian ini adalah bertujuan untuk menyediakan landasan bagi pihak berkuasa merancang serta menangani masalah orang hilang dari rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan yang pertama itu ialah mengenai bilangan—di antara 9,000 orang yang hilang ini, bilangan orang yang telah masuk ke dalam kancak pelacuran.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, bilangan yang hilang ini masuk ke kancak pelacuran, saya minta maaf kerana saya tidak ada angka yang terperinci pada masa ini dan dengan itu saya boleh memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua Yang Berhormat adalah berkenaan dengan adakah sindiket-sindiket yang masuk ke kampung-kampung yang telah pun menipu gadis-gadis supaya menjadi pelacur.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Mengikut keterangan yang ada pada kementerian, sindiket-sindiket ini, kalau ada yang dilaporkan ianya telah diambil tindakan oleh Polis. Saya difahamkan, oleh kerana itulah kita akan mencadangkan satu pindaan kepada akta yang saya sebut awal tadi. Tentulah ada sindiket yang telah didapati oleh Polis, tetapi saya sendiri tidak ada laporan terperinci tentang bilangan sindiket-sindiket yang dikenalpasti.

UMAT ISLAM YANG MURTAD — TINDAKAN KERAJAAN

3. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap cadangan di mana umat Islam yang murtad dan terlibat dalam kumpulan ajaran sesat ditahan di pusat-pusat tahanan khas.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan yang Yang di-Pertua, buat masa ini, mereka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan percubaan murtad dan menyebarkan atau mengamalkan ajaran sesat diambil tindakan berdasarkan kepada peruntukan dalam enakmen negeri-negeri.

Umpamanya, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka, 1981, Seksyen 66 memperuntukkan supaya mereka yang melakukan percubaan murtad boleh ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak

melebihi 6 bulan bagi tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak. Bagi kesalahan menyebarkan atau mengamalkan ajaran sesat, Seksyen 60 Enakmen tersebut membolehkan denda dikenakan tidak lebih RM5,000 atau di penjara 36 bulan atau keduanya sekali.

Berdasarkan contoh peruntukan ini, tidak semua pelaku kesalahan jenayah syariah diperintah untuk dipulihkan, walaupun langkah ini perlu diperluaskan termasuk aspek pemulihan akidah. Di samping itu, tidak semua negeri mempunyai peruntukan memulihkan mereka yang melakukan percubaan murtad di Pusat Bimbingan Islam atau mewujudkan pusat tersebut di peringkat negeri-negeri.

Oleh yang demikian, bagi memenuhi matlamat memulihkan pelaku-pelaku kesalahan yang disebabkan tadi, termasuk penyelewengan akidah, sebuah Pusat Pemulihan Akidah akan diwujudkan di peringkat Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini bagi membolehkan semua pelaku-pelaku kesalahan dapat dipulihkan. Walau bagaimanapun, negeri-negeri yang berkenaan perlu memberi persetujuan supaya pesalah-pesalah di negeri-negeri mereka dapat dipulihkan di pusat yang dimaksudkan itu.

Bagi Wilayah Persekutuan, satu rang undang-undang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagi memulihkan mereka yang terlibat dalam kedua-dua kesalahan yang disebutkan tadi. Langkah ini sebenarnya adalah satu proses tarbiah atau pemulihan yang memerlukan jangka masa yang agak panjang bagi memastikan mereka yang terlibat kembali kepada ajaran Islam dan hidup dalam masyarakat biasa secara aman dan tenteram.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Jabatan Perdana Menteri pernah menerbitkan sebuah buku yang bernama Mustika Hadis dan di dalam buku ini dinyatakan secara detail perkara-perkara yang menyebabkan seseorang itu menjadi murtad dan terbatal akidah. Adakah pandangan ataupun tulisan ini menjadi suatu fatwa rasmi bagi pihak kerajaan dan menjadi dasar dan panduan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk bertindak dalam kes murtad?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ia tidak merupakan satu fatwa tetapi boleh digunakan bagi memberi contoh cara-cara menangani masalah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kita akan menubuhkan Pusat Pemulihan Akidah. Saya ingin mengetahui sedikit, sama ada Pusat ini juga akan menerima pemimpin-pemimpin parti politik yang telah memutar-belitkan fatwa-fatwa dan juga memecah-belahkan umat Islam agar mereka ini akan dapat dipulihkan pemikiran mereka yang sempit.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, undang-undang Islam tidak membezakan antara taraf ataupun kedudukan. Sesiapa sahaja yang menyeleweng ataupun melanggar hukum-hukum Islam akan dikenakan tindakan yang sama.

JABATAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN DI KELANTAN — PENGWUJUDAN

4. Tuan Mohamed bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan

mengapakah perlu wujud Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan. Tidakkah pengwujudan jabatan berkenaan akan memberi kesan negatif terhadap pembangunan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ditubuhkan untuk merancang, melaksana menyelaras, menyelia dan menilai program-program pembangunan Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan dengan cekap dan berkesan. Ini adalah selaras dengan dasar dan wawasan Kerajaan Persekutuan demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Tertubuhnya Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan tidak sama sekali membawa kesan negatif kepada pembangunan negeri Kelantan. Malah dengan tertubuhnya jabatan tersebut, negeri Kelantan adalah terjamin daripada tercicir dari arus pembangunan negara oleh kerana semua usaha-usaha pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan telah dapat diperkemas dan diselaras dengan memuaskan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedia arif dan maklum bahawa di bawah Perlembagaan Persekutuan telah disebut dengan jelas Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Ada bidang tugas yang dipikul oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan ini nampaknya bercanggah dengan prinsip ini kerana mencampuri beberapa perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Adakah ini bermakna bahawa penubuhan ini menyebabkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menghormati konsep perkongsian yang telah diwujudkan dalam sistem Persekutuan Malaysia di negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada senarai yang dikhaskan bagi Kerajaan Pusat dan ada senarai yang dikhaskan bagi Kerajaan Negeri dan juga ada senarai yang mempunyai tanggungjawab bersama.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Amat Berhormat, adakah Kerajaan Negeri Kelantan memberi kerjasama atau halangan terhadap semua program pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Pusat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan memberi kerjasama tetapi kerjasama itu nampak malap kadang-kalanya, kerana itu kalau kita hendak tunggu kerjasama itu, maka teraniayalah rakyat Kelantan.

KESALAHAN TIDAK MELETAK TANDA HARGA — JUMLAH TANGKAPAN

5. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilangan tangkapan peniaga yang tidak meletak tanda harga sepanjang tahun 1994 dan 1995. Apakah barang-barang yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang tahun 1994, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan ke atas 1,695 peniaga kerana kesalahan tidak meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang ditawarkan untuk jualan secara runcit. Tindakan ini

melibatkan rampasan barang-barang bernilai RM1,013,014.98 dan jumlah denda yang dikenakan ialah sebanyak RM715,738.00. Bagi tahun 1995 pula iaitu sehingga 31 Mei 1995, seramai 615 peniaga telah diambil tindakan atas kesalahan yang sama dan ini melibatkan rampasan barang-barang bernilai RM186,612.75 serta denda RM87,970.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan barang-barang yang terlibat ialah pakaian, barang-barang makanan, alat-alat ganti kenderaan, barang-barang elektrik, alat-alat permainan dan peralatan sukan.

Kementerian sentiasa memandang serius ke atas para peniaga yang tidak meletakkan tanda harga pada barang-barang dagangan mereka dan tindakan undang-undang seperti mengkompaunkan kesalahan atau mendakwa peniaga terlibat di mahkamah telah, sedang dan akan terus diambil.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, adakah kerajaan sedar bahawa didapati barang-barang yang dipasarkan mempunyai tanda harga tetapi didapati sah guna terutama sekali barang makanan, tarikhnya sudah luput. Apakah tindakan yang boleh dan akan diambil oleh pihak kerajaan?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setelah aduan atau laporan yang kementerian telah dapat, pegawai kementerian akan mengambil tindakan dan sesiapa yang melanggar Akta Kawalan Harga, denda yang boleh dikenakan adalah bagi kesalahan pertama, orang perseorangan denda sehingga RM15,000 atau dua tahun

penjara atau kedua-duanya dan kesalahan berikutnya denda sehingga RM25,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 2,300 kes yang didapati oleh pihak kementerian, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan menyatakan terdapat ataupun tidak kes-kes yang berulang kepada pesalah-pesalah yang telah ditangkap dan kalau ada, berapakah jumlahnya?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

SISTEM SARAAAN BARU — ADUAN GURU-GURU

6. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan aduan dari 230,000 guru selama ini mengenai sikap apati dan keabaian kerajaan terhadap keadaan perkhidmatan mereka, yang mana telah menjejaskan perasaan kepuasan kerja serta kualiti para guru; sama ada Sistem Saraan Baru telah dikaji semula secara keseluruhannya yang kini hanya menawarkan peluang promosi setinggi lima peratus serta kenaikan gaji antara lapan dan sepuluh peratus, berbanding dengan 10 hingga 46.1 peratus di lain-lain perkhidmatan awam dan mengapakah satu komiti Kabinet belum lagi ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah para guru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam

Malaysia sedang mengkaji secara keseluruhannya pelaksanaan Sistem Saraan Baru. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan komen dan beberapa cadangan untuk memperbaiki sistem dan prosedur kenaikan gaji dan sistem imbuhan untuk guru-guru.

Sukacita dijelaskan bahawa ada perbezaan di antara pergerakan gaji iaitu 2% melintang dan 3% menegak dengan kenaikan pangkat. Yang 5% dimaksudkan ialah 5% pegawai yang layak untuk menerima pergerakan gaji tahunan.

Kenyataan yang mengatakan ada kumpulan pegawai perkhidmatan awam lain mendapat peluang kenaikan gaji lebih tinggi iaitu 10% hingga 46% adalah tidak benar. Memorandum pihak Kesatuan Guru yang mencadangkan penubuhan Cabinet Committee itu telah dimajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan menunggu arahan selanjutnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan NUTP untuk mengadakan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji masalah-masalah guru-guru yang begitu menyeluruh dan berpanjangan dikemukakan kepada Kabinet untuk satu pertimbangan oleh Kabinet selain dari perkara ini ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian ada menerima memorandum yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Sebenarnya pihak kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas Khas untuk mengkaji keseluruhan memorandum tersebut

dan berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Pasukan Petugas Khas itulah telah dikemukakan pandangan-pandangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 7.—Y.B. Tuan Tiong Thai King tidak hadir]

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI — JUMLAH BELUM DIPULIHKAN

8. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah bilangan projek perumahan terbengkalai di seluruh negara yang masih belum dipulihkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat itu, jumlah projek perumahan yang masih terbengkalai dan di dalam proses pemulihan sebagaimana yang ada dalam rekod kementerian ialah 90 projek semuanya.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tindakan yang telah diambil terhadap pemaju yang melibatkan projek perumahan terbengkalai. Yang kedua, sama ada kementerian yang berkenaan diberi peruntukan khas untuk membantu pembeli-pembeli rumah yang terlibat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian melalui skim-skimnya telah berusaha untuk memberi pertolongan atau memberi pemuliharaan kepada projek-projek yang terbengkalai itu. Dan setakat ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui bantuan dari kementerian, bilangan projek yang siap dipulihkan setakat ini adalah 228.

Untuk soalan keduanya, pihak pembeli yang mengalami masalah tersebut boleh meminta bantuan atau cuba melalui skim-skimnya meneruskan pembelian tersebut dan sama ada beliau dapat diberi bantuan dari segi pinjaman dan sebagainya, adalah terpulang kepada kes demi kes.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa rumah merupakan satu keperluan asasi dan sebahagian besar projek perumahan hari ini dilaksanakan oleh pihak pemaju, tetapi banyak masalah yang lahir kerana ada pemaju yang hanya suka membuat kondominium ataupun rumah yang mahal-mahal.

Jadi soalan saya, kita banyak telah dengar mengenai rancangan kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Negara. Jadi saya ingin tahu bilakah rancangan ini hendak diteruskan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Rancangan ini sedang dikaji dan dalam peringkat yang akan siap. Kita rasa tidak berapa lama lagi Majlis Perumahan Negara ini akan ditubuhkan.

KAD PENGENALAN/SIJIL KELAHIRAN LEWAT — PROSES PERMOHONAN

9. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan boleh memberi pertimbangan membuat kad pengenalan diri khususnya penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar negeri Sarawak iaitu tanpa memerlukan sijil kelahiran. Ini oleh kerana mereka terbabit adalah lewat membuat sijil kelahiran/sijil kelahiran lewat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sijil kelahiran adalah diperlukan bagi permohonan kad pengenalan kali pertama, bertujuan menentukan taraf dan warna kad pengenalan yang akan dikeluarkan.

Berhubung dengan permasalahan kelewatan membuat sijil kelahiran penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar negeri Sarawak, kerajaan mempunyai program lawatan ke kawasan-kawasan berkenaan bagi menyelesaikan masalah sijil kelahiran dan kad pengenalan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan dan Dewan yang mulia ini, di dalam permohonan menukar kepada kad pengenalan baru, sijil kelahiran tidak lagi diperlukan, memadai dengan mengemukakan kad pengenalan lama sahaja.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah program lawatan-lawatan ke luar bandar itu juga dilakukan di negeri Sabah dan negeri-negeri yang lain selain daripada Sarawak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, elok saya nyatakan di sini, bagi negeri Sabah dan Sarawak, pegawai-pegawai pendaftaran tidaklah boleh pergi ke tempat-tempat yang tertentu, tetapi tidak ada orang yang menunggu. Dengan sebab itu, Wakil-wakil Rakyat yang bertanggungjawab haruslah mengumpul orang-orang ini, menyediakan tempat dan memohon pegawai-pegawai pendaftaran untuk datang agar kedatangan mereka itu tidak disia-siakan dan membuang masa. Ini adalah tugas Wakil-wakil Rakyat sekalian.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, masalah mengenai dengan pengeluaran kad pengenalan, sama juga di Sabah, seperti di Sarawak, ini adalah satu masalah di luar bandar.

Saya ingin tahu, adakah sijil-sijil akuan yang biasanya digunakan oleh beberapa pemohon itu diiktiraf oleh kerajaan sebagai asas untuk mendapatkan kad pengenalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, surat akuan yang bagaimana? Apa yang paling penting ialah, kalau sekiranya seseorang itu tidak mempunyai surat kelahiran, dipastikan ia memang warganegara dengan dibuktikan oleh Tok Penghulu, Tuan D.O., Ketua Kampung, termasuk Wakil Rakyat dan boleh dipohon surat kelahiran lewat. Surat Kelahiran lewat ini adalah sah untuk seseorang itu diberi kad pengenalan yang baru.

INDUSTRI PELANCONGAN DI TIMUR JOHOR — RANCANGAN MEMAJUKAN

10. Tuan Zainal Abidin bin Osman minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan kerajaan berhubung dengan koridor kedua dalam usaha memajukan industri pelancongan khususnya di negeri Johor. Dan jika rancangan-rancangan itu mula dilaksanakan, nyatakan tahap kemajuannya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang diberikan tumpuan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam fasa ini, khususnya di negeri Johor ialah kawasan timur Johor yang mana melibatkan tarikan pelancongan berasaskan ecolancong ataupun ecotourism.

Di antara rancangan-rancangan yang telah dijalankan ialah pertamanya, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah

memperuntukkan wang sejumlah RM4.2 juta untuk pembinaan jalan masuk dan infrastruktur asas ke Taman Negara Endau-Rompin.

Keduanya, menggalakkan laluan sungai dari Endau ke Taman Negara berkenaan untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong sama ada dalam ataupun dari luar negeri.

Ketiganya, Kerajaan Negeri telahpunewartakan sebanyak 13 buah pulau-pulau peranginan sebagai Taman Laut untuk dilawati oleh pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rancangan-rancangan pembangunan ini, kementerian berharap ianya dapat menawarkan tarikan-tarikan yang lebih kepada pelancong-pelancong yang mana sekarang ini lebih tertumpu kepada tarikan yang sedia ada, iaitu di kawasan Desaru dan juga sepanjang pantai Mersing.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Jabatan ataupun pegawai-pegawainya di peringkat negeri dan juga daerah-daerah kerana sekarang ini kita tahu tidak wujud pegawai-pegawai berkenaan di peringkat daerah?

Soalan yang kedua, apakah langkah-langkah yang kementerian akan ambil untuk memajukan projek agro-tourism, dengan izin, yang mana projek agro-tourism ini, kalau disusun dengan baik akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di luar bandar, khususnya daripada kawasan pertanian?

Dato' Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kementerian hanya berupaya mewujudkan pegawai-pegawainya di peringkat negeri sahaja. Usaha sedang

dijalankan dengan mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mewujudkan pegawai-pegawai di peringkat-peringkat daerah. Kalau pun tidak boleh di semua daerah, setidaknya buat permulaan di beberapa daerah yang besar-besar sahaja. Seperti juga sebelum diadakan di semua negeri, pegawai-pegawai kementerian telah diletakkan di peringkat zon dulu.

Tentang agro-tourism sebenarnya memang ini sedang kita usahakan dan ianya sememang menjadi tarikan kerana sebagai sebuah negara yang sedang membangun, agro-tourism dan eco-tourism sememangnya merupakan tarikan kepada mereka yang datang ke negara ini khususnya mereka yang dari negara-negara maju seperti Eropah, Jepun dan Amerika.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada kementerian beliau sudah mengkaji kemungkinan, dengan izin, open air policy dilaksanakan di Sabah bagi memajukan industri pelancongan di negeri itu.

Soalan yang kedua ialah, adakah kementerian beliau sedar bahawa kerajaan negeri merancang untuk melaksanakan perindustrian raksasa di kawasan di mana mungkin akan menjejaskan perindustrian pelancongan yang sedang dilaksanakan dengan jumlah pelaburan yang terlalu besar di kawasan itu iaitu KKIP.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya kira yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah open sky policy, bukan open air policy. Saya kiralah. Saya pun tidak berapa faham juga. Jadi, sebenarnya setakat yang saya difahamkan sekarang ini kita

tidak ada open sky policy tetapi kita mengadakan perjanjian udara (aviation agreement) dengan negara-negara berkenaan untuk membolehkan national carrier kita terbang ke negara mereka dan national carrier mereka terbang ke negara kita. Sekarang ini kita mengadakan perjanjian seperti itu. Setakat ini saya kira sudah ada lebih daripada 40-50 perjanjian. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan lebih arif tentang negeri-negeri yang kita ada aviation agreement ini.

Keduanya, saya kira pembangunan kawasan-kawasan perindustrian sama ada raksasa ataupun tidak, saya kira ini tidak banyak menghalang perkembangan industri pelancongan. Malah kalau sekiranya banyak pelaburan dari luar negara ke Malaysia, secara tidak langsung pelancong juga datang. Kerana mereka yang datang ke mari untuk berniaga pun kita anggap pelancong juga asalkan tinggal lebih daripada satu hari di dalam rekod kita, kita anggap sebagai pelancong. Jadi, tidak ada pertentangan di antara kedua-dua perkara ini.

BANJIR KILAT DI KAWASAN IPOH TIMUR — TINDAKAN MENGAWAL MASALAH

11. Tuan Chang Kon You minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) memandangkan tempat-tempat di dalam kawasan Ipoh Timur seperti Bandaraya Ipoh, Kampung Sri Kinta, Kg. Simee, Kg. Pasir Pinji yang telah dilanda oleh banjir kilat. Masalah banjir merupakan salah satu masalah yang serius di kawasan Ipoh Timur. Adakah satu pelan induk pengairan dan saliran bagi kawasan Ipoh Timur; dan

- (b) apakah tindakan-tindakan yang dirancangan oleh Kementerian Pertanian untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, tiada pelan induk saliran disediakan bagi kawasan Ipoh Timur. Namun demikian, rancangan tebatan banjir Sg. Pari yang sedang dalam pelaksanaan dan projek tebatan banjir Kg. Pasir Pinji yang dirancang untuk pelaksanaan akan membantu usaha-usaha untuk mengawal masalah tebatan banjir di Bandaraya Ipoh.

Di samping itu, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang mengkaji masalah banjir di Kg. Seri Kinta yang berlaku akibat dari air melimpahi pintu air yang dikendalikan oleh orang-orang kampung berkenaan. Tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut akan diambil dalam tahun ini juga. Masalah banjir di Kg. Simee adalah disebabkan kekurangan sistem perparitan dan masalah ini baru sahaja dikenal pasti oleh Dewan Bandaraya Ipoh. Rancangan Tebatan Banjir Sg. Pari adalah diantara kerja-kerja tebatan banjir yang telah dilaksanakan di bandaraya tersebut. Fasa I projek berkenaan yang telah dilaksanakan mulai tahun 1989 telah siap pada tahun 1991, manakala Fasa II pula telah bermula pada akhir tahun 1994 dan dijangka siap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Masalah banjir Kg. Pasir Pinji berpunca dari tersumbatnya parit-parit monsun dengan sampah sarap dan alur keluarnya iaitu Sg. Pinji tertakung. Masalah ini dapat diatasi dengan membersihkan sampah sarap dan pembinaan lencongan Sg. Choh, Sg. Pinji di bahagian ulu sungai.

Peruntukan sewajarnya telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk pembinaan lencongan sungai tersebut.

Tuan Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya banjir kilat berpunca daripada projek-projek pembangunan setempat, khususnya apabila tanah-tanah telah ditolak dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang supaya memaksa pemaju untuk menyiapkan satu perparitan yang mencukupi untuk menampung air tambahan supaya mengelakkan banjir kilat di kawasan-kawasan pembangunan itu.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat diambil kira dalam setiap projek perumahan yang diangkat kepada Majlis Bandaraya. Tetapi walau bagaimanapun, keadaan ini sering terjadi akibat tidak adanya suatu saluran yang boleh mengatasi seluruh projek-projek di sekitarnya. Jadi, rancangan ini pasti akan dirancang oleh Bandaraya secara keseluruhan dari semasa ke semasa.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa hairanlah apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tiada satu pelan induk untuk kawasan Ipoh kerana pada masa sekarang setiap kali hujan turun banjir akan berlaku di kawasan Ipoh dan pada pendapat saya satu pelan induk merupakan satu perkara yang sangat-sangat diperlukan di kawasan Ipoh. Jadi, soalan saya adakah kementerian sedia menimbang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mengadakan satu kajian yang

teliti untuk menangani masalah banjir di kawasan Ipoh serta kawasan-kawasan lain di Lembah Kinta, Perak.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bertanya kita, "Adakah satu pelan induk perairan dan saluran bagi kawasan Ipoh Timur....." Jawabnya, tidak ada. Jadi, soal hendak buat itu kita akan kaji dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.
[Ketawa]

PROGRAM RAKAN MUDA — PENERAPAN CIRI-CIRI KEISLAMAN

12. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah ciri-ciri Islam yang telah diserapkan dalam konsep Rakan Muda, Rakan Sukan, dan Niaga; dan
- (b) apakah langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil bagi memerangi rasuah bola sepak.

Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Program Rakan Muda adalah program untuk semua generasi baru tanpa mengira agama ataupun kaum. Maka aspek keIslaman ini tidaklah seharusnya diberikan penekanan berlebihan sehingga timbul syak wasangka dan rasa kebimbangan di kalangan bukan Islam akan matlamat sebenarnya program ini. Namun begitu, Program Rakan Muda adalah selaras dengan ciri-ciri keIslaman kerana dari segi falsafah ia bertujuan untuk memupuk sistem dan orientasi nilai murni bagi diamalkan oleh generasi muda dan untuk mengisi

masa generasi muda dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat serta mencegah gejala sosial yang negatif seperti penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak, amalan-amalan budaya yang tidak sihat dan sebagainya; yang kesemuanya adalah satu tuntutan yang baik dan berfaedah.

Di dalam pengisian Program Rakan Muda, di antara ciri-ciri keIslaman yang universal yang diserapkan dalam pelaksanaan projek-projek tersebut termasuklah nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, penyayang, bersatu padu, jujur, amanah dan lain-lain nilai mulia yang diamalkan dalam Islam.

Dalam gaya hidup Rakan Sukan sebagai contoh, ciri-ciri murni seperti disiplin, ketaatsetiaan, bersatu padu, hormat-menghormati, azam, yakin, berani, mempunyai daya saing serta mempunyai semangat juang adalah di antara nilai yang diserapkan dalam pelaksanaan Program Rakan Sukan. Manakala nilai-nilai murni bercirikan keIslaman di dalam aktiviti Urus Niaga ialah jujur, amanah dan bertimbang rasa adalah di antara ciri-ciri mulia yang diberikan penekanan di dalam pelaksanaan aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b) pihak saya telah pun menerima dua lagi pertanyaan berkaitan dengan rasuah bola sepak iaitu pertanyaan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 14-6-95 dan pertanyaan Yang Berhormat dari Parit Sulong dan saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan ini serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Sejumlah 126 pemain dan jurulatih telah disiasat berhubung dengan rasuah dalam sukan

bola sepak. Seramai 79 pemain didapati terlibat di dalam kes menjual permainan dan bakinya telah pun dibebaskan.

Daripada 79 yang ditahan, seramai 21 pemain dan jurulatih diperintah buang daerah di bawah Akta Kediaman, manakala 58 pemain pula digantung permainan untuk tempoh di antara 1 hingga 4 tahun oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia kerana mengaku menerima rasuah dalam Pertandingan Bola Sepak Liga Perdana.

Langkah-langkah positif yang telah pun diambil oleh kerajaan bagi memerangi rasuah bola sepak ialah:

- (1) mengarah pihak Polis Diraja Malaysia dengan bantuan semua pihak menyiasat hingga ke akar umbi amalan rasuah dalam sukan bola sepak kerana orang ramai percaya hanya kerajaan sahaja boleh mengambil tindakan yang serius mengenainya. Pihak Polis Diraja Malaysia menggunakan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Kediaman sebagai tindakan untuk menyekat pemain-pemain yang terlibat dengan rasuah daripada bermain dalam sukan bola sepak.

Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sedang dan akan mengambil beberapa langkah bagi membendung gejala rasuah bola sepak dan langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) ahli-ahli gabungan Persatuan Bola Sepak Malaysia diminta untuk mengawasi dan menilai prestasi pemain dalam setiap perlawanan, khususnya dalam aspek teknikal. Kejujuran

- seseorang pemain akan mudah dikesan daripada persembahannya dalam setiap perlawanan;
- (b) semua pemain diberikan khidmat kaunseling serta menjalani kursus motivasi. Mereka juga diberikan peluang kaunseling bagi menghakim sikap kemewahan dan mengejar kewangan;
- (c) Persatuan Bola Sepak Negeri ataupun majikan harus juga menunaikan janji masing-masing kepada para pemain. Kelewatan pembayaran gaji serta ganjaran-ganjaran lain akan mendorong para pemain mencari wang daripada saluran yang lain, terutamanya daripada kaki-kaki bookie;
- (d) menggubal semula syarat-syarat kontrak pemain-pemain profesional. Kontrak yang ada sekarang lebih menjaga kepentingan pemain-pemain. Penggubalan ini membekalkan peruntukan yang membolehkan pihak persatuan sebagai majikan menghukum pemain yang disyaki terlibat dalam amalan rasuah;
- (e) mensyaratkan semua pegawai dan pemain membuat perisytiharan harta dan simpanan mereka;
- (f) menubuhkan jawatankuasa penapisan yang terdiri daripada ahli-ahli bebas yang akan mengesyorkan pemain-pemain yang disyaki terlibat dalam amalan rasuah supaya mereka digugurkan ataupun tidak diambil oleh mana-mana pasukan; dan
- (g) menubuhkan Jawatankuasa 'Bribery Watch' dengan ahli-ahlinya terdiri daripada bekas-bekas pemain. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk meneliti prestasi pemain yang disyaki melalui rakaman video.

Bagi mempertingkatkan taraf permainan bola sepak di negara ini, pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia telah pun melaksanakan beberapa program dan projek-projek khas. Program-program tersebut ialah:

- (a) memperkemaskan jentera pentadbiran Persatuan persatuan Bola Sepak Negeri;
- (b) mewujudkan program pembangunan pegawai teknikal, pengadil dan kejurulatihan yang bersistematik;
- (c) melaksanakan projek Tunas Cemerlang Bola Sepak dan menubuhkan Akademi Bola Sepak Negeri;
- (d) melaksanakan program latihan Pelapis dan Elit Kebangsaan;
- (e) melaksanakan program khas bola sepak dengan menubuhkan Pasukan Projek 1997, Skuad Olimpik 1995 dan Pertandingan Liga Perdana; dan
- (f) mendedahkan pasukan kebangsaan di pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa.

Datuk Nurnikman bin Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, daripada ciri-ciri Rakan Muda yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, saya ingin tahu apakah tahap pencapaian dari segi penyertaan belia-belia dan beliawanis-beliawanis dalam Rakan Muda ini di seluruh negara kita

pada ketika ini. Apakah masalah-masalah yang mungkin melembabkan penyertaan konsep Rakan Muda ini?

Kedua, setakat ini berapakah kes rasuah bola sepak yang telah dikenal pasti dan apakah hukuman-hukuman dan berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah setakat ini?

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini yakni pada bulan Jun, 1995 kita telah pun mendaftar lebih daripada 1,027,364 orang muda untuk menyertai dalam 10 gaya hidup Rakan Muda yang telah pun ditaja oleh pihak kita. Kalau saya membacakan secara cepat sahaja, penyertaan yang terbesar ialah daripada negeri Perak di mana sejumlah 139,805 orang sudah pun mendaftar. Yang lain-lain adalah daripada Sarawak 116,139; daripada Terengganu 109,360 dan tiap-tiap negeri sudah pun membuat pendaftaran, jumlahnya lebih 1 juta. Ini adalah dari segi jumlah pendaftaran untuk penyertaan.

Dari segi program-program yang telah pun diaturkan selama ini semenjak ianya dilancarkan pada bulan Oktober tahun lalu, saya boleh mengatakan tiap-tiap negeri dan daerah, malahan di peringkat kampung sekali pun program-program Rakan Muda telah pun dilaksanakan secara menyeluruh. Namun begitu, ia hanya di peringkat yang pertama kerana program ini adalah program jangka panjang dan banyak lagi kegiatan-kegiatan yang sedang pun disusun untuk membolehkan setiap mereka yang mendaftar dalam program ini dapat mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang mereka ingin sertai.

Soalan yang kedua sebagaimana yang telah pun saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, jumlah mereka yang

telah pun dikatakan terlibat dalam rasuah bola sepak tadi telah pun saya jelaskan, lebih daripada 126 pemain yang telah pun dikenal pasti tetapi tidak kesemuanya disabitkan. Yang sudah pun kita hantar (ditahan) 79 orang, 21 pemain dan jurulatih diperintah untuk dibuang daerah dan 58 pemain pula digantung permainannya untuk tempoh antara 1 hingga 4 tahun. Jadi, ini adalah angka-angka yang terakhir.

Belum ada kes yang dibawa ke mahkamah kerana pihak polis belum lagi mendapat bukti yang jelas. Walaupun ada pengakuan dibuat oleh setengah-setengah pemain bahawa mereka menerima tetapi tidak ada pihak saksi-saksi yang sanggup tampil ke depan untuk memberikan bukti. Sebab itulah pihak polis sudah pun mengambil tindakan di bawah Akta Kediaman untuk membuang daerah mereka ini. Namun begitu, pihak polis telah pun memaklumkan kepada Kementerian bahawa tindakan-tindakan seterusnya untuk meneliti tiap-tiap kedudukan pemain-pemain berkenaan masih diteruskan. Kalau didapati ada bukti yang kukuh untuk membawa dan menghadapkan mereka ke mahkamah, maka pihak yang bertanggungjawab akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam salah satu daripada program Rakan Muda ialah Rakan Masjid. Apa yang telah dilaporkan oleh akhbar di Sabah pernah membuat satu program Rakan Masjid pada bulan Ramadhan yang lepas. Selain daripada Rakan Masjid, ada program mengadakan tadarus al-Quran di masjid. Apakah program-program dalam bentuk lain yang akan disediakan oleh pihak kementerian?

Selain daripada itu, berapa banyakkah jumlah pemuda-pemuda ataupun pemudi-pemudi di negara kita ini yang menyertai dalam program Rakan Masjid di dalam negara kita ini?

Yang kedua, masalah rasuah bola sepak.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang ketiga, Yang Berhormat. Cukuplah! *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu berminat tentang Program Rakan Muda ini.

Sebenarnya kita tidak ada membataskan apa kegiatan-kegiatan yang hendak kita lakukan dalam 10 gaya hidup ini, dan ada gaya hidup-gaya hidup yang telah pun dikenal pasti harus menarik minat daripada generasi muda Islam untuk menyertai.

Sesuai dengan kehendak kita untuk melibatkan generasi muda Islam dalam banyak kegiatan-kegiatan yang berfaedah, kita telah pun menganjurkan pada waktu bulan puasa yang lepas Rakan Bertadarus dan itu tidak terbatas untuk bulan-bulan puasa sahaja. Program ini khususnya bagi generasi muda Islam akan kita tingkatkan lagi dengan pelbagai aktiviti yang lain sempena dengan berbagai-bagai acara keislaman yang biasa kita lakukan di seluruh negara, maka generasi muda Islam tidak juga kita tinggalkan atau kita ketepikan dalam program ini.

Berkenaan dengan berapa jumlahnya, saya tidak dapat hendak memberi angka yang tepat, saya

memerlukan notis, tetapi insya-Allah akan saya maklumkan di waktu-waktu yang lain.

KILANG PENJANA ELEKTRIK (IPP) DI PERLIS — KEMAJUAN PEMBINAAN

13. Tuan Kamarudin bin Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan yang dicapai untuk membina kilang Penjana Elektrik (IPP) di Perlis;
- (b) apakah masalah yang dikenal pasti oleh Kerajaan untuk melaksanakan pembinaan kilang Penjana Elektrik (IPP) di Perlis;
- (c) apakah garis panduan bagi melaksanakan sesuatu pembinaan kilang Penjana Elektrik (IPP); dan
- (d) apakah kebaikan keseluruhannya setelah kilang-kilang Penjana Elektrik (IPP) terbina.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab soalan (a), (b), (c) dan (d) ini serentak sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Lesen IPP telah pun dikeluarkan kepada Teknologi Tenaga Perlis pada 31hb. Mac tahun 1995. Walau bagaimanapun, setakat ini Teknologi Tenaga Perlis masih belum memulakan kerja-kerja pembinaan stesen janakuasa. Teknologi Tenaga Perlis masih lagi berunding dengan pihak-pihak yang tertentu bagi melicinkan lagi pelaksanaan projek.

Kerajaan tiada mempunyai sebarang masalah berhubung dengan projek tersebut. Walau bagaimanapun, terserahlah kepada Syarikat TTP itu untuk mengatasi sebarang masalah yang mungkin timbul dalam pelaksanaan projek.

Tindakan kerajaan mengeluarkan lesen IPP adalah selaras dengan polisi kerajaan untuk memperkenalkan persaingan di kalangan pelabur-pelabur swasta termasuk dalam sektor tenaga. Sekiranya cadangan projek daripada pihak swasta berdaya maju dan dianggap menguntungkan pihak kerajaan, kerajaan akan memberi pertimbangan wajar untuk mengeluarkan lesen tersebut.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan keadaan penjanaan bekalan elektrik pada masa sekarang adalah difikirkan cukup, kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan lesen IPP yang baru buat sementara waktu.

Dengan adanya IPP, 'Reserve Margin' dalam bekalan elektrik dapat dipertingkatkan dan ini dapat menjamin bekalan elektrik yang stabil.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah.....

Beberapa Ahli: [Sorak]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Bising—sangat bising.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jangan hiraukan mereka. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun lepas bekas Menteri telah menyatakan 5 lesen IPP sahaja diberikan iaitu kepada Syarikat YTL, Genting Sanyen (M) Sdn. Bhd.

Sikap Energy, PD Power dan Power-Tech Malaysia sahaja iaitu memberi jumlah hampir 4,000 megawatt. Tetapi sekarang kita nampak ada tambah lagi Teknologi Tenaga Perlis. Jadi, apakah yang sebenarnya bilangan lesen yang dikeluarkan oleh pihak kementerian-nya dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada kebaikan keseluruhannya kita dapati walaupun sekarang ini, pada tahun ini akan ditambah reserve hampir 3,000 megawatt, tetapi di beberapa tempat di seluruh negara termasuk di Jinjang dan Kepong seringkali bekalan elektrik tergendala? Apakah punca, apakah masalah,.....

Beberapa Ahli: [Sorak]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu soalan sahaja, tidak habis lagi—kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Ulangkan semula.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila habiskan dengan satu lagi "apa" dia?

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah langkah dari segi kebaikannya untuk mengurangkan masalah bekalan tergendala ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, setakat sekarang ada 11 lesen IPP telah diberikan—8 di Semenanjung dan 3 di Sabah.

Bagi keperluan memberi lesen IPP bagi Teknologi Tenaga Perlis, satu dari syarat yang ditetapkan oleh kerajaan ialah keluaran tenaga dari IPP tersebut hendaklah dijual kepada negara Thailand. Dan sekarang pihak syarikat

yang membangunkan IPP tersebut juga masih berhubung dengan pihak Thailand untuk menetapkan cara penjualan tenaga elektrik kepada negara tersebut.

Bagi bekalan-bekalan yang dikatakan pernah "gangguan" berlaku di Jinjang dan Kepong, kementerian dan pihak Tenaga Nasional sendiri memang sedar bahawa gangguan ada berlaku dalam beberapa masa terdahulu. Kita sedar dan satu sebab yang telah dikenal pasti ialah memerlukan peningkatan kabel-kabel yang ada di tempat-tempat tersebut, dan bagi tujuan ini pihak Tenaga Nasional Berhad sedang pun meningkatkan keupayaan kabel-kabel di tempat-tempat itu dan telah mengagihkan peruntukan RM177 juta bagi mengatasi masalah ini dan projek-projek itu telah dilaksanakan dalam tahun ini sehingga tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 14 hingga 55 dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan." (12hb. Jun, 1995).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sila sambung ucapan.

3.37 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung kepada ucapan saya semalam. Sementara itu Afghanistan semakin hancur-luluh dimamah perang saudara. Pakistan pula sedang digugat satu kuasa politik radikal dan ganas iaitu Muhajeer Quami Movement (MQM) yang dipercayai ditaja oleh golongan pengedar dadah serta mengedar senjata haram. Enam hari yang lalu sekurang-kurang 5 bandar utama di Pakistan termasuk Karachi dan Hyderabad telah menyaksikan pertempuran sesama Islam yang mengorbankan nyawa dan kerosakan harta-benda. Pada waktu yang sama Bangladesh pula memang sentiasa haru-biru dengan ancaman bencana alam dan politik kucar-kacir yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu berdasarkan komen dan pendapat dunia luar terhadap Malaysia sama ada dari kalangan Islam atau bukan Islam dan berdasarkan huraian dan

kedudukan yang telah saya huraikan mengenai negara-negara Islam secara rambang seperti di atas yang chaotic, yang huru-hara dan diancam oleh kedudukan yang anarkis seperti saya huraikan tadi, wajarlah pihak umat Islam termasuk PAS khususnya di negara ini bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat sejahtera. Mereka hendaklah bersyukur kerana contoh kenyataan-kenyataan yang saya huraikan benar-benar membuktikan betapa tingginya darjat Malaysia dalam susunan baru dunia Islam.

Jadi, adakah PAS akan berterusan memusuhi UMNO dan Barisan Nasional atau adakah PAS akan melaksanakan daya usaha segera untuk memberhentikan segala amalan perjuangannya yang sedang menyuburkan sikap ekstremis dan fanatik di kalangan segolongan umat Islam di negara ini.

Jika PAS enggan merubah psikologi, minda, nilai dan amalan perjuangannya, lama-kelamaan saya yakin pasti akan menghancurkan survival umat Islam seluruh negara ini dan sekali gus perjuangan PAS akan menjadi pemangkin utama kepada keruntuhan tahana, martabat ataupun darjat umat Islam di Malaysia dan di merata dunia. Jika senario ini terjadi, umat Islam di Malaysia akan rugi. Martabat Malaysia dalam susunan baru dunia Islam akan tercemar. Dunia Islam sejagat akan kehilangan seorang jurucakap yang bermaruah dan benteng terakhir kekuasaan Islam sedunia akan runtuh. Jika ini berlaku, kuasa-kuasa neo-imperialist, elemen-elemen zionist dan segala rupa bentuk musuh pun akan jadi semakin ghairah dan ganas untuk melaksanakan agenda anti Islamnya secara aktif dan agresif di negara ini dan di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu wajarlah PAS berjuang dengan kewarasan dan kebijaksanaan yang dituntut oleh Islam. PAS mestilah bertindak menjajarkan strategi dan matlamat perjuangannya hari ini ke arah kewujudan satu kerjasama politik yang jitu sebagaimana yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dalam Harakah baru-baru ini. Dengan seluruh jemaah perjuangan Islam yang lain di negara ini, PAS hendaklah berasa terundang oleh kewarasannya untuk secara sukarela menggugurkan perkataan "Islam" yang terdapat di dalam nama organisasinya. PAS hendaklah berhenti dari mengeksploitasi perkataan "Islam" untuk menggembeling kekuatan politiknya yang bermatlamat mengganyang keunggulan UMNO dan Barisan Nasional. Walaupun PAS insaf bahawa perjuangan UMNO dan Barisan Nasional selama inilah yang memurnikan dan meningkatkan martabat Islam dan umat Islam di negara ini dan di merata jagat.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan Barisan Nasional boleh menggugurkan perkataan "Islam" di dalam nama PAS menerusi peruntukan undang-undang. Tetapi usaha yang berniat murni ini tentu akan diputarbelitkan oleh PAS dan sekali gus dijadikan propaganda untuk terus-menerus memusuhi kerajaan Barisan Nasional. Kesannya, jurang permusuhan sesama umat Islam di Malaysia akan bertambah lebar dan kesejahteraan umat Islam akan terus tergugat. Oleh itu kembalikan kepada kewarasan dan kebijaksanaan PAS di era Dr. Burhanuddin Helmi, Zulkifli Mohamad dan Asri Muda.

Menurut memoir Allahyarham Tan Sri Asri terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 1993, dalam era ketiga-

tiga presiden PAS yang saya sebutkan tadi termasuklah era kepimpinan beliau sendiri, matlamat perjuangan PAS adalah berlandaskan gabungan semangat kebangsaan Melayu dan aspirasi meningkatkan martabat Islam. Bagaimanapun, kata Allahyarham Tan Sri Asri dalam memoirnya, aspirasi dan matlamat tersebut telah menyimpang jauh sejak PAS diresapi oleh golongan baru yang muncul di awal tahun 1980an. Sebab itulah, kata Asri, wujud golongan PAS di akhir-akhir kepimpinan beliau yang telah tergamak melaung-laungkan perkataan "marakhbar Asri" iaitu perkataan Iran. Perkataan "Marakhbar" ini adalah perkataan Iran yang ertinya "mampuslah". Ada golongan di dalam PAS yang tergamak menjeritkan perkataan "marakhbar Asri" yang terjemahannya "mampus Asri" di muktamar PAS pada 23hb Oktober, 1992. Menurut Asri, inilah di antara perkara yang mendorong dan menyebabkan beliau meletakkan jawatan sebagai Presiden PAS. Sebab itulah juga, katanya, diakhir hayat beliau memasuki UMNO. Beliau bertindak demikian kerana apa yang sedang diperjuangkan oleh UMNO dan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang adalah, menurut Asri, sama dengan matlamat perjuangan PAS yang tulin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu atas kesedaran bahawa umat Islam sejagat masih memerlukan pembelaan dari Malaysia atas keinsafan bahawa martabat umat Islam seluruhnya mesti dipulihkan segera, seluruh jemaah perjuangan Islam di Malaysia termasuk PAS dan khususnya PAS mestilah bersatu dan khakit dan bertindak dengan azam baru dan bersepadu supaya Islam diiktiraf oleh dunia sebagai benar-benar agama yang total dan umat Islam bukan penganas bahkan pencinta damai pada setiap masa.

Masanya sudah sampai agar diwujudkan proses interaksi, penggabungan, konsolidasi, discuss dan mesyuarah ke arah mencapai azam dan cita-cita di atas. Jika tidak, selamalamanyalah umat Islam di negara ini dilingkari permusuhan tanpa kesudahan dan selamalamanyalah juga umat Islam sejagat akan digerhanai oleh imej yang 'bobrok' dan darjah yang menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong juga menyatakan pada hari khamis lalu bahawa kesinambungan perjuangan rakyat adalah bergantung kepada persiapan generasi muda sekarang. Sebab itulah titah Baginda, "Program Rakan Muda merupakan cetusan dan terbitan dari Wawasan 2020 dalam membentuk identiti bangsa Malaysia agar mereka mempunyai pegangan nilai mulia lagi murni".

Berdasarkan kenyataan Yang di-Pertuan Agong ini, Kementerian Belia dan Sukan pastinya menjadi satu kementerian yang bertambah penting missinya di dalam pengurusan generasi muda negara supaya mereka benar-benar menjadi penunjang dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara ke arah kecemerlangan. Dalam konteks ini saya agak terdorong untuk memberi satu ulasan kepada apa yang berlaku di Kelantan sebagaimana yang dilaporkan akhbar hari ini.

Dari soalan-soalan seperti mana yang telah dikemukakan tadi kita dapat tahu bahawa anggota PAS juga adalah prihatin terhadap kewujudan dan kelangsungan generasi muda yang akan datang. Tetapi hari ini timbul satu kenyataan dari Kelantan yang mengatakan bahawa Kerajaan negeri Kelantan tidak mahu menggalakkan

partisipasi atau penyertaan anak-anak muda Kelantan di dalam Rakan Muda. Saya harap perkara ini akan diperdalami supaya anak-anak muda Kelantan tidak akan menuduh kerajaan PAS negeri Kelantan sebagai golongan yang tidak peka, tidak sensitif terhadap kelangsungan anak-anak muda di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila Yang di-Pertuan Agong meminta semua jentera kerajaan dan sokongan padu rakyat bagi menjayakan Program Rakan Muda, seruan tersebut hendaklah disambut dengan segera dan secara komited. Warga korporat Malaysia juga wajar bangkit secara sukarela untuk sama-sama menjayakan misi ini dan pada waktu yang sama janganlah Kementerian Belia dan Sukan terus disifatkan sebagai 'non-revenue generator' yang tidak patut menerima tumpuan serius dan total dari semua pihak termasuklah anggota birokrat yang kadang-kadang masih lagi terjebak dengan karinah birokrasinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya ingin mendapatkan kepastian daripada Menteri Belia dan Sukan sejauh manakah keberkesanan Program Rakan Muda yang kini dianggotai oleh lebih sejuta generasi muda negara ini. Adakah pihak kementerian berkenaan bercadang untuk mengadakan satu proses kajian semula untuk memastikan supaya seluruh bentuk Program Rakan Muda benar-benar menepati matlamat dan sasarannya? Adakah terdapat usaha kerajaan untuk melibatkan seluruh organisasi bukan kerajaan (OBK) atau dalam bahasa Inggerisnya NGOs di dalam pelaksanaan program ini?

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya izinkan saya menyorot kenyataan Yang di-Pertuan Agong yang berbangga

dengan keprihatinan kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar hinggakan strategi Malaysia dalam konteks ini dicontohi oleh banyak negara membangun di dunia. Sehubungan dengan ini saya merayu kepada kerajaan supaya usaha menyediakan jalan tar di kampung-kampung diberikan peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kelak. Jika kerajaan berasa komitmen kewangan untuk mengetar jalan-jalan kampung adalah terlalu berat, saya mencadangkan supaya diwujudkan satu strategi alternatif sama seperti strategi kerajaan mewujudkan tabung khas bagi mengatasi serta mempercepatkan lagi pembinaan rumah kos rendah bagi rakyat di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, lebih tepat lagi, kerajaan hendaklah membabitkan sektor swasta untuk mempercepatkan penyediaan jalan tar di luar bandar. Saya cadangkan perkara ini diberikan tumpuan yang serius kerana masalah mengetar jalan kampung ini merupakan masalah yang paling mendesak di seluruh negara. Dalam pilihan raya umum baru-baru ini masalah jalan-jalan kampung yang belum ditar telah merumitkan kempen Barisan Nasional. Ini adalah oleh kerana pihak Pembangkang yang tidak bertanggungjawab memainkan sentimen masalah jalan tanah merah dan jalan tar. Masalah ini telah menjejaskan jumlah undi yang diperolehi oleh majoriti calon Barisan Nasional, khususnya di kawasan luar bandar seperti di Kawasan Parlimen Parit Sulong yang saya wakili.

Dalam konteks membangunkan taraf hidup rakyat luar bandar, saya juga merayu agar Menteri Pendidikan yang baru memberi keprihatinan yang penuh terhadap bekalan komputer ke

seluruh sekolah-sekolah rendah dan menengah di desa-desa di pelusuk negara. Sekarang ini saya dapati aspek ini kelihatan seolah-olah dikesampingkan sahaja oleh Kementerian Pendidikan, walaupun abad ke-21 menuntut agar semua orang menjadi celek komputer, kerana komputerlah yang akan menjadi alat terpenting kepada penerokaan serta penguasaan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada soal melatih semula tenaga kerja Malaysia untuk meningkatkan lagi kemahiran masing-masing demi memenuhi keperluan tenaga kerja berteknologi tinggi di masa akan datang dan untuk mengelakkan pergantungan negara kepada tenaga buruh asing. Dalam konteks ini, saya menarik tumpuan Kementerian Sumber Manusia kepada ratusan ribu anak-anak Melayu yang bekerja di kilang-kilang elektronik di seluruh negara. Saya merayu golongan pekerja ini yang rata-rata tanpa kemahiran diberi peluang meningkat serta memperbaiki lagi kerjaya masing-masing. Langkah ini bolehlah diselaraskan dengan program Kementerian Pendidikan yang bercadang membenarkan mereka yang mempunyai pengalaman kerja di bidang tertentu untuk memasuki universiti menerusi saluran kedua.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak, seluruh Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang di bawah tanggungjawab (jurisdiction) Kementerian Sumber Manusia di negara ini hendaklah segera diswastakan supaya pihak swasta memainkan peranan melatih golongan pekerja yang saya maksudkan tadi. Jika perkara ini tidak dilakukan segera, ratusan ribu anak-anak kampung yang

saya maksudkan akan menjadi redundant apabila negara ini benar-benar meningkatkan proses perindustrian teknologi tinggi dan kalau tidak dilakukan anak-anak ini akan terus menjadi pekerja tanpa kemahiran yang berpendapatan rendah dan seringkali ditindas oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja di antara perkara-perkara yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sebagai penutup, sekali lagi saya ulangi kenyataan *Asiaweek*, 2 Jun 1995—bahawa sepanjang 14 tahun Malaysia dipimpin oleh Perdana Menteri yang ada sekarang, umat Melayu, umat Islam dan seluruh etnik di Malaysia sedang menikmati era kemakmuran yang paling cemerlang sejak Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Saya juga mengulangi ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana merestui saya untuk membentangkan Usul ini. Dengan kata-kata tersebut, maka dengan hormat dan takzimnya saya membentangkan Usul menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titahnya di Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan, Khamis lalu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

3.55 ptg.

Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih di atas kesanggupan Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini memberi kesempatan kepada

saya, seorang baru di sini, sebagai menyokong Usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan DiRaja.

Dalam Titah Ucapan DiRaja, Baginda telah menunjukkan bagaimana Baginda telah menitikberatkan pembangunan negara kita dari pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, alam sekitar, sains dan teknologi, pendidikan dan latihan, penyelidikan dan pembangunan, agama dan kebudayaan, perindustrian dan perdagangan, keharmonian hidup dan perpaduan rakyat dan lain-lain.

Rakyat Malaysia sangat bertuah di bawah kepimpinan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disanjung tinggi dan Kerajaan Barisan Nasional yang mengutamakan kebajikan rakyat jelata dan yang bertanggungjawab untuk membawa negara kita menuju ke arah Wawasan 2020. Kemajuan negara kita dapat diperhatikan dengan begitu ketara melalui contoh-contoh berikut— yang berjalan kaki dahulu atau menunggang basikal kini telah nampak mereka menaiki motosikal atau kereta pula. Bilangan kenderaan di seluruh Malaysia makin bertambah, bilangan kilometer lebuh raya pun semakin bertambah. Memanglah terdapat masalah kesesakan lalu-lintas di ibu negara kita, iaitu Kuala Lumpur dan di merata-rata bandar utama negara kita, manakala kerajaan sedang mengambil tindakan terancang untuk menentukan sistem lalu-lintas yang tersusun untuk kawasan-kawasan pembangunan yang baru, malah ada lagi bandar-bandar lama di mana jalan-jalan yang tersedia ada tidak dapat memuatkan bilangan kenderaan yang lalu setiap hari.

Saya ingin menyarankan bahawa plan yang lebih tersusun untuk sistem lalu-lintas yang baru perlu diadakan

bagi kawasan-kawasan pembangunan baru dan sistem pengagihan lalu-lintas yang berkesan, dengan izin, effective traffic dispersal system, perlu diadakan untuk menyelamatkan bandar-bandar daripada kesulitan kesesakan lalu-lintas.

Tuan Yang di-Pertua, yang dahulu tinggal di rumah atap atau papan, kini tinggal di rumah batu atau di kondominium dan taman-taman perumahan pula. Ini adalah satu perkembangan yang baik. Kerajaan seharusnya selalu berjaga-jaga supaya inflasi tidak menjadi satu faktor untuk menghalang orang ramai untuk menjadikan impian memiliki rumah sebagai satu kenyataan. Baru-baru ini kemungkinan kenaikan kos bahan-bahan pembinaan sudah tentu menjadi satu isu yang boleh membawa kesan buruk terhadap kos perumahan, selain daripada kesan spekulasi yang melambungkan nilai tanah dan lain-lain.

Kerajaan seharusnya mengambil langkah positif untuk mengawal aktiviti-aktiviti spekulasi supaya menurunkan kadar inflasi. Kerajaan seharusnya menyeliakan prestasi pemaju-pemaju perumahan dengan rapi bagi memastikan projek-projek perumahan untuk semua pembeli di seluruh negara disempurnakan mengikut jadual kerja yang ditentukan pada awal-awal projek-projek berkenaan, supaya menjamin hak pembeli-pembeli rumah. Bagi bangunan berstrata atau rumah-rumah pangsa bertingkat, isu hak milik berstrata dan pengurusan kemudahan pengutipan sampah-sarap dan pengurusan kemudahan-kemudahan sepunya yang lain, mesti diberi perhatian yang lebih menyeluruh oleh

Kerajaan Tempatan untuk memperbaiki lagi mutu kehidupan penghuni-penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, yang dahulu hanya ada peluang pendidikan setinggi Darjah 6 ataupun Tingkatan 3 sahaja, kini dapat peluang menikmati pendidikan tinggi di kolej ataupun di universiti-universiti pula. Keperluan sumber manusia berpengetahuan yang berasaskan sains dan teknologi memang mendesak kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang positif di dalam bidang pendidikan sehingga ke peringkat universiti dan juga pada peringkat penyelidikan dan pembangunan.

Usaha ini dipercepatkan lagi dengan pendirian yang terbaru kerajaan kita terhadap penambahan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar untuk mata pelajaran teknikal di peringkat universiti. Langkah-langkah di atas sangat dialu-alukan akan tetapi kita semua perlu berhati-hatilah apabila cadangan mengkorporatkan universiti tempatan dicubakan.

Saya ingin menyarankan bahawa kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan yuran-yuran universiti tidak melambung sehinggalah pendidikan universiti itu menjadi milik anak-anak golongan elit atau yang kaya sahaja. Kawalan perlu dikenakan ke atas sistem pendidikan awam termasuk universiti supaya anak-anak rakyat miskin dari kawasan luar bandar ataupun dalam bandar dapat menikmati pendidikan setinggi kebolehan akademik mereka dan tidak tersekat oleh kemampuan kewangan keluarga mereka. Sistem galakan melalui adanya biasiswa dan pinjaman pendidikan perlu dikekalkan untuk faedah anak-anak dalam golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang dahulu menganggur kerana kekurangan peluang-peluang bekerja kini terdapat banyak tawaran bekerja di merata-rata sektor industri dan perdagangan sehingga kita perlu import pekerja-pekerja asing. Untuk memastikan sedia adanya bekalan sumber manusia yang mempunyai kemahiran yang sesuai, latihan vokasional, teknikal dan perdagangan perlu diberi melalui sistem sekolah biasa dan juga sekolah-sekolah vokasional. Pada zaman komputer ini didapati keperluan yang rumit di semua sekolah untuk mendapatkan kelengkapan kemudahan makmal-makmal komputer.

Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat melengkapkan sekolah-sekolah menengah terutama sekalilah di seluruh negara ini dengan kemudahan komputer supaya mempertingkatkan lagi kemahiran komputer di antara golongan pelajar-pelajar sama ada dari aliran sains ataupun dari aliran perdagangan dan sastera. Apa yang perlu kita tegaskan adalah bahawa negara kita ini sangat memerlukan sumber manusia yang berkemahiran komputer dan berteknologi tinggi untuk menuju ke Wawasan 2020. Langkah ini juga dapat mengatasi masalah kekurangan pekerja-pekerja perindustrian sekarang kerana perkembangan perindustrian teknologi tinggi dapat menghasilkan keluaran yang tinggi dengan bilangan pekerja yang kecil.

Saya juga berharap Kementerian Sumber Manusia dapat meluluskan lagi lebih banyak program-program latihan yang boleh diikuti oleh pekerja-pekerja perindustrian di mana insentif potongan pendapatan bercukai diberi kepada majikan-majikan mereka. Ini

adalah bertujuan untuk menjalankan latihan kepada pekerja-pekerja yang hilang kerjanya bila teknologi masuk supaya mereka menjadi berguna semula.

Tuan Yang di-Pertua, yang dahulu mengambil lebih dari 8 jam untuk memandu kereta dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, kini Lebuhraya Utara-Selatan membolehkan kita mengambil kurang daripada 4 jam untuk perjalanan yang sama. Ini adalah satu tanda yang bagus kerana lebuhraya itu sudah menjimatkan masa dan juga membolehkan kita bergerak dengan lebih selamat. Memanglah kita perlu membayar tol tetapi memang ada ahli-ahli pembangkang yang tidak mahu membayar tol.

Pendek kata semua itu menunjukkan dengan jelasnya bahawa kerajaan Barisan Nasional telah membawa kemajuan dan mempertingkatkan mutu kehidupan rakyat jelata. Kini ekonomi negara kita sudah berkembang pada tahap lebih kurang 8.9% dan rakyat menikmati pendapatan per kapita yang tinggi. Negara kita ini telah maju sehinggakan terdapat ulasan bahawa istilah ataupun gelaran "negara sedang membangun" ini tidak begitu sesuai lagi untuk dipakai untuk menyifatkan Malaysia pada zaman sekarang ini. Malaysia telah mencapai satu peringkat yang dihormati dalam bidang politik dan perniagaan antarabangsa mahu pun di rantau ASEAN, malah juga di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin negara kita selalu dihormati serta diambil kira oleh pemimpin-pemimpin negara asing. Pemasaran barangan buatan Malaysia termasuk kereta Proton ke negara-negara asing sudah menghasilkan pendapatan yang

menolong mengukuhkan lagi ekonomi negara kita. Oleh kerana teknologi elektronik dan komputer Pulau Pinang begitu maju sehinggakan Malaysia dapat bersaing dengan negara asing dalam bidang tersebut, Pulau Pinang pula digelar "Lembah Silikon di luar Amerika Syarikat".

Tuan Yang di-Pertua, semua itu adalah tanda-tanda yang baik dan kita mesti berasa bangga kerana pencapaian pemindahan teknologi yang telah dicapai itu. Kita berasa gembira kerana pucuk kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional menegaskan pendidikan sains dan teknologi dan penguasaan bahasa Inggeris selain dari Bahasa Malaysia dan bahasa ibunda sebagai asas kejayaan Malaysia menuju ke arah keduniaan atau, dengan izin, globalisation. Perkembangan perdagangan antarabangsa telah memberikan Malaysia satu status yang penting dalam arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional yang lebih terbuka sekarang ini akan menguntungkan seluruh rakyat jelata serta membolehkan Malaysia menyertai masyarakat antarabangsa dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur asing telah banyak menyumbang kepada sektor perindustrian dan perniagaan Malaysia. Kestabilan politik negara, keharmonian rakyat, kemudahan infrastruktur dan taraf pendidikan rakyat adalah di antara faktor-faktor utama yang diambil kira oleh golongan pelabur-pelabur asing ini. Untuk memastikan suasana pelaburan sentiasa mengalakkan, kita seharusnya berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuhkan lagi faktor-faktor tersebut di atas terutama sekali kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara yang pesat juga membawa kesan-kesan yang negatif seperti pencemaran alam sekitar, kesesakan lalu-lintas di bandar dan kawasan perindustrian, kekurangan sumber manusia yang mahir, masalah keselamatan pekerja-pekerja asing, kenaikan kos keluaran dan inflasi, kemudahan pengangkutan dan import-eksport yang tidak mencukupi lagi, kekurangan perumahan untuk golongan miskin dan berpendapatan sederhana, kebudayaan yang kurang sihat dan sebagainya. Kita seharusnya mengambil sikap yang serius dan pendekatan yang profesional untuk menghadapi kesan-kesan yang negatif itu sekiranya kita mahu menjayakan Malaysia baik dari segi perancangan mahu pun dari segi pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita mesti memelihara sikap berat sama dipikul, senang sama dinikmati. Kita seharusnya bersatu padu dalam perjuangan kita menghadapi semua masalah pembangunan. Kita mesti mempunyai pendirian yang sama, haluan yang sama, minat dan hasrat yang sama dalam perjuangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang ketibaan abad yang ke-21, masa depan pembangunan Malaysia adalah sangat cerah. Kita masih ingat kata orang tua, "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri kita; baik juga negeri kita". Apatah lagi, kedudukan ekonomi yang semakin kukuh di Malaysia sekarang ini seumpama "hujan emas" di Malaysia, tentulah rakyat jelata lebih-lebih lagi mencintai Malaysia, negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya dengan ikhlas dan jujur ingin menyokong usul Menjunjung Kasih ke

atas Titah Ucapan DiRaja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Larut.

4.13 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan juga pandangan sempena Dewan membahaskan usul ucapan penghargaan dan Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merasmikan sidang Parlimen yang Kesembilan pada hari Khamis, 8hb. Jun 1995 yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak aspek yang dititah oleh Duli Yang Maha Mulia pada hari tersebut. Sudah menjadi kewajipan kerajaan yang memerintah untuk menunaikan amanah dan tanggungjawab bagi melaksanakan tuntutan pembangunan ke arah kesejahteraan hidup rakyat terbanyak. Sekali lagi mandat yang begitu besar telah diberikan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menerajui dan mengemudi negara dan rakyat kepada satu era kemajuan yang lebih bermakna dan membanggakan.

Kemenangan yang besar dalam sejarah adalah anugerah dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala bukanlah satu keistimewaan ataupun privilege, dengan izin, bahkan tanggungjawab atau responsibility, dengan izin, untuk melihat bahawa Barisan Nasional

benar-benar bertanggungjawab, tidak seperti parti-parti Pembangkang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu lagi kita mengimbuai pencapaian negara yang telah sekian lama kita nikmati sehingga kini. Apa yang wajar dilakukan adalah untuk mempertingkatkan prestasi dan sumbangan semua agensi dan Jabatan yang mendukung kerajaan supaya sentiasa dapat memenuhi aspirasi rakyat untuk membawa negara kita ke satu dimensi yang lebih bererti supaya menjadi negara maju dan berwibawa, seiring dan sebaris dengan negara-negara yang telah pun mengecapi nikmat sebagai negara maju dalam segala bidang.

Tuan Yang di-Pertua, tiada yang mustahil untuk dicapai selagi ada azam, iltizam dan komitmen—kesungguhan merealisasikan matlamat yang diimpikan. Wawasan 2020 bukanlah omongan kosong yang sengaja dicanangkan oleh pucuk pimpinan bagi meraih sokongan rakyat. Ia adalah satu mutiara minda seorang pemimpin yang berpandangan jauh, yang hanya memikirkan yang terbaik untuk rakyat dan negara agar tidak ketinggalan dan terkebelakang dalam setiap aspek kehidupan di tengah-tengah percaturan dan perlumbaan kuasa-kuasa besar menghimpit dan menekan negara-negara sedang membangun dan mundur.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya bangga bahawa suara dan sahutan kita kini semakin mendapat perhatian dan pengiktirafan dunia. Laungan kita selepas ini tentunya akan lebih kedengaran lagi apabila kerajaan yang sedia ada mendapat mandat lebih besar yang sekaligus mendapat azimat yang lebih

padu dan jitu untuk melakukan segala yang mungkin untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat jelata di samping memahat nama dan peta Malaysia di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai hasrat negara maju, bermakna Malaysia harus mencapai kemajuan dan pembangunan dalam segala bidang dan cabang ilmu. Dunia kini semakin terarah dan tertumpu terhadap penguasaan bidang berteknologi tinggi atau hitech, dengan izin, yang menjadi teras kemodenan ciri pembangunan bidang-bidang yang lain. Tidak memadai Malaysia berbangga dengan bertambahnya pelaburan asing melalui banyaknya kilang, industri dan segala macam peralatan yang dihasilkan di negara ini semata-mata. Bidang ilmu komputer harus diperhebatkan kepada pelajar sekolah, kakitangan awam dan segala sektor yang lain.

Institut kemahiran, pusat belia, institut vokasional dan lain-lain perlu didedahkan kepada ilmu pengetahuan yang berkembang setiap masa yang semuanya menitikberatkan usaha menggarap kepandaian yang boleh menjadi asas kepada kemajuan teknologi tinggi. Kepakaran dan pengalaman yang dicurahkan oleh pekerja asing dalam industri berat perlu diwarisi. Perusahaan yang berjaya seperti PERWAJA Steel, Proton, Hicom dan lain-lain perlu dihidupkan dengan lebih semarak lagi ke dalam bidang-bidang seperti pertanian secara komersil dan moden, bidang pembinaan dengan teknologi terkini dan canggih.

Tuan Yang di-Pertua, langkah mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera atau "MPPP" adalah tepat dan bijak seiring

dengan matlamat memperbanyakkan usahawan yang berkualiti dan berpotensi. Tidak cukup dengan langkah menjadikan tahun 1994 sebagai "Tahun Usahawan", malah ianya harus dijadikan satu aktiviti dan program yang berterusan meliputi segenap bidang keusahawanan, setiap golongan belia remaja, lelaki dan wanita, setiap negeri di Malaysia, setiap bandar, daerah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Dasar Ekonomi Baru telah menjadi khazanah sejarah dan Dasar Pembangunan Nasional mula mengorak langkah, golongan usahawan wajar mendapat tempat yang istimewa kerana merekalah golongan yang memikul tanggungjawab terpenting memajukan senario ekonomi negara sejak bertahun-tahun yang lalu. Insentif dan galakan sebanyak mungkin perlu diberikan supaya para usahawan terus berkembang maju dan mendapat segala bantuan dan sokongan untuk berjaya dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Para kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal, pengilang-pengilang dan pemaju-pemaju, karyawan-karyawan profesional dan lain-lain harus dibantu dalam apa jua bentuk bagi memperluaskan kegiatan masing-masing yang mana ini akan dapat menaikkan taraf ekonomi negara ke satu tahap yang lebih pesat.

Tuan Yang di-Pertua, usahawan bumiputera khususnya, perlu mendapat peluang yang lebih luas untuk menerokai lebih banyak bidang yang selama ini belum dapat diceburi. Kita tidak boleh berbangga dengan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan yang telah lama ditinggalkan oleh kaum lain. Bidang-bidang yang lebih mencabar seperti

pembuatan peralatan jentera berat, alat ganti kenderaan, perkapalan, perkayuan, telekomunikasi dan sebagainya juga perlu disertai oleh bumiputera. Mereka memiliki segala keistimewaan, bakat pengalaman serta kebolehan seperti mana kaum-kaum lain di negara kita ini. Cuma, apa yang harus ditekankan kepada usahawan bumiputera ialah sifat sabar, tidak mudah berputus asa, komited, mewarisi kemahiran dan kecekapan pengurusan pentadbiran dan kewangan—yang mana ini merupakan antara faktor-faktor kegagalan mereka meraih kecemerlangan dalam bidang yang mereka ceburi selama ini bersama-sama dengan kaum-kaum lain—kalau boleh untuk memajukan keusahawanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, belia merupakan pewaris bangsa dan negara. Mereka umpama kain putih yang boleh dicorakkan dalam apa bentuk sekalipun. Belia adalah aset kemanusiaan terpenting dalam menentukan maju mundur, jatuh bangunnya generasi dan negara di masa depan. Segala yang telah dilakukan untuk memajukan sikap dan penglibatan belia perlu diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini dirasakan wajar, fundamental dan vital, dengan izin, memandangkan belia kini berhadapan dengan kemelut sosial serba mencabar sendi dan nadi kehidupan mereka. Ibu bapa, pendidik, pentadbir dan ahli politik perlu sentiasa berganding bahu untuk membimbing golongan belia, pelajar dan anak-anak supaya sentiasa terarah kepada kegiatan yang berfaedah seperti budaya membaca, bersukan, beribadah, beriadah, dan berniaga dan juga pandai hormat menghormati di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Program Induk Rakan Muda yang merangkumi Rakan Waja Diri, Rakan Sukan, Rakan Wira Mahir, Rakan Masjid, Rakan Tadarus, Rakan Rekreasi dan bermacam-macam rakan lagi adalah satu bentuk program jangka panjang yang dilihat sebagai pelerai kepada masalah-masalah sosial belia yang membimbangkan pelbagai kalangan. Perkembangannya setakat ini kita tahu amatlah menggalakkan dengan penyertaan puluhan malah ratusan ribu belia pelbagai peringkat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ataupun yang dijanjikan. Cuma yang perlu ditekankan ialah kaedah pelaksanaan program-program belia ini agar ia dapat memenuhi matlamat sepenuhnya dalam erti kata tidak menimbulkan masalah-masalah sosial sampingan. Umpamanya, penyertaan belia lelaki dan wanita perlu diatasi dan diuruskan kepada kemurnian akhlak dan batas-batas pergaulan agar natijah yang akan dicapai membawa kepada pembentukan peribadi yang luhur, mulia dan bertanggungjawab, berwawasan serta berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu para belia perlu dibantu untuk mengikis subsidy mentality daripada terus menguasai pemikiran mereka kerana ini boleh membantut perkembangan mental mereka yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Program Rakan Muda ini jika benar-benar dihayati dan diamalkan akan berjaya menjadi pemangkin, catalyst, dengan izin, kepada pembentukan ahli masyarakat yang berjaya seperti usahawan yang cemerlang, barisan pentadbir dan pendidik yang mahir, ahli politik yang bertanggungjawab, berdedikasi dan sebagainya. Dengan

terbentuknya ahli masyarakat yang penyayang, berdedikasi, mahir, bertakwa dan sifat-sifat mulia yang lain ianya akan dapat menyelesaikan banyak masalah sosial seperti penagihan dadah, budaya lepak, bohsia, lari dari rumah dan lain-lain. Anak-anak muda perlu dibimbing dengan berhemah dan kena caranya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan perasaan sukacita saya bagi pihak rakan-rakan di Dewan yang mulia ini atas penolakan cadangan menaikkan tarif elektrik sebanyak 0.8 sen seunit. Penolakan kenaikan ini menggambarkan kepekaan kerajaan terhadap rakyat terbanyak yang dijangka akan merasa tertekan dengan kenaikan tersebut. Umum sudah mengetahui bahawa kebanyakan harga barangan khususnya barangan dapur telah meningkat sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Sewajarnya rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah tidak dibebankan lagi dengan kenaikan demi kenaikan barangan mahupun bayaran perkhidmatan kemudahan asas yang ternyata menghimpit kehidupan mereka. Pemimpin politik dan kerajaan kebanyakannya berasal dari desa dan sudah biasa dengan pahit maung kehidupan rakyat, pastinya tidak mahu sebarang kesulitan membelenggu mereka yang ternyata telah menyokong Barisan Nasional dalam beberapa pilihan raya selama ini. Sewajarnya budi baik rakyat juga harus dikenang dan dengan itu kerajaan yang prihatin dan berjiwa rakyat perlu terus melakukan segala yang mampu dan mungkin untuk membela kehidupan rakyat dalam usaha melaksanakan janji-janji pilihan raya 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menghargai keputusan pucuk pimpinan untuk mengambil tindakan tegas menarik balik lesen terhadap peniaga dan pembekal gula yang mengamalkan budaya sorok gula, satu-satu daripada keperluan harian yang amat penting. Harapan saya langkah seperti ini tidak terhenti setakat masalah pengedaran gula sahaja bahkan kepada barangan-barangan lain yang menghadapi masalah serupa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu mencari langkah segera dan positif untuk membanteras kenaikan pelbagai barangan yang jelas semakin membebaskan rakyat. Pada saya, pertumbuhan ekonomi yang sihat semata-mata tidak mungkin menggembirakan semua rakyat kerana bagi mereka yang mampu dan berada kenaikan harga barang tidak mendatangkan sebarang masalah kepada mereka sekeluarga. Masalah ini sebenarnya adalah satu bebanan besar bagi rakyat yang berpendapatan kecil yang perlu menyara keluarga yang agak besar.

Selepas ini nanti, kalau boleh kita tidak ingin lagi mendengar desas-desus lesen radio dan TV dinaikkan, bayaran tarif telefon ditambah serta cukai-cukai barangan dan perkhidmatan yang pelbagai rupa. Barang-barang ini perlu terkawal. Bil-bil telefon patut diselaraskan. Sekarang orang-orang kampung membayar bil telefon lebih daripada orang-orang di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun sebahagian lagi umat Islam berpeluang menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci. Kemudahan menunaikan ibadah ini semakin lama semakin sulit disebabkan

wujudnya kuota yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Saudi Arabia. Syukurlah, saya diberitahu bahawa pada tahun ini 5,000 lagi jemaah haji ditambah jadi jumlahnya 24,000. Sebagai seorang umat Islam yang sentiasa prihatin dan peka terhadap pelbagai masalah yang merundung bakal-bakal haji, saya rasa banyak lagi langkah yang boleh kita lakukan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mereka, istimewa sekali jemaah-jemaah haji sederhana yang susah dari desa.

Jika boleh, Lembaga Urusan dan Tabung Haji perlu mengutamakan kebajikan dan kemudahan bakal haji terlebih dahulu daripada perkara-perkara lain yang boleh kita anggap sampingan sahaja. Kita sedia maklum, tujuan dan matlamat Tabung Haji ditubuhkan adalah untuk memberi seberapa banyak kemudahan yang boleh kepada mereka yang ingin menunaikan Rukun Islam yang kelima itu.

Pada hemat saya sudah sampai masanya LUTH memberikan subsidi yang lebih bermakna kepada jemaah haji, misalnya kadar bayaran haji boleh dikurangkan seminimum mungkin ataupun bayaran penginapan dikurangkan tanpa mengorbankan keselesaan yang sedia ada. Inilah yang patut kita utamakan bukannya merancang bidang penglibatan yang agak menyimpang daripada matlamat asal penubuhan LUTH itu sendiri. Kalau pakej-pakej percutian ke New York, London dan lain-lain negara boleh dipertimbangkan dengan mudah, maka begitulah juga LUTH membincangkan usaha untuk mengurangkan perbelanjaan jemaah-jemaah haji.

Kita semua mengakui dunia adalah jambatan akhirat. Sudah pasti kita tidak mahu dipertanggungjawabkan atas

kecuaian kita mentadbir di dunia ini. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan supaya cadangan awal LUTH untuk mengadakan perkhidmatan landasan kereta api elektrik dari Johor Bahru ke Hadyaai ditangguhkan kerana walaupun ia boleh dibuat atas dasar diversifikasi ataupun mempelbagaikan aktiviti LUTH tetapi sebenarnya ia tidaklah satu perkara priority, dengan izin. Pandangan ini dibuat atas dasar sebahagian besar pencarum LUTH merupakan mereka yang mencarum semenjak sekian lama seperti pekebun kecil, penoreh getah, nelayan, petani dan peniaga runcit yang memerlukan perhatian yang sewajarnya. Projek seperti itu boleh dimulakan bila LUTH dan orang ramai berpuashati dengan semua khidmat-khidmat yang diberi bagi menambah pendapatan ataupun income yang halal bagi LUTH.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bidang pendidikan tempatan terus berkembang dan maju dengan bertambahnya institusi pengajian tinggi di seluruh negara termasuk Universiti Sabah dan Universiti Sarawak. Cawangan ITM ditambah, begitu juga MRSM dan sekolah berasrama penuh. Apa yang ingin ditekankan ialah sebagai memelihara keunggulan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama negara di samping memperseimbangkan roh dan semangat ketinggian ilmu yang berteraskan semangat cintakan negara, kemunculan institusi swasta sebagai cendawan yang tumbuh selepas hujan perlu dikawal oleh Kementerian Pendidikan dan saya menyarankan supaya Bahasa Malaysia ini dikenali sebagai "Bahasa Melayu" kerana kalau kita pergi ke England umpamanya, kita tidak ada British Language, kita ada English Language, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ingin menafikan kehendak dan citarasa golongan yang berkemampuan untuk memanfaatkan institusi sedemikian cuma kebimbangan ini harus kita ketengahkan demi masa depan generasi yang kental dengan nilai-nilai sosio-budaya tempatan berteraskan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlainan dengan cadangan pihak Kementerian Kesihatan untuk memperbanyakkan hospital dan klinik pakar swasta sebagai satu bentuk kemudahan kepada golongan yang berkemampuan. Langkah ini dialu-alukan kerana dengan adanya kemudahan ini, hospital dan klinik kerajaan boleh menumpukan perhatian memberi khidmat yang memuaskan kepada golongan miskin dan mereka yang tidak mampu mendapat rawatan dari hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan juga perlu diberi kepada bidang kerohanian kerana tanpanya pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik tidak akan kental pendirian untuk menangani cabaran yang lebih besar dalam bidang kerjaya selepas berakhirnya dunia pelajaran mereka. Sebenarnya bidang rohani dan jasmani perlu diseimbangkan bagi melahirkan insan yang soleh, berjiwa besar dan memandang ke hadapan dengan penuh azam dan berwawasan mulia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak Kementerian telah melancarkan dasar pendidikan teknikal bertujuan antara lain untuk memberikan tumpuan yang lebih kepada usaha-usaha mensepadukan pembelajaran dan amali pelbagai corak dan bentuk pendidikan berteraskan sains dan teknologi di kalangan para pelajar. Dasar ini memanglah tepat pada masa dan ketikanya bersesuaian pula dengan

hasrat kerajaan untuk membina rakyat dan negara yang serba maju dalam bidang industri, perdagangan, ekonomi, teknologi tinggi dan seumpamanya. Sudah sampai masanya rakyat negara ini menyumbang sepenuhnya terhadap pembangunan dan kemajuan Malaysia dan tidak lagi bergantung penuh kepada kepakaran yang diimport dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap beberapa dasar lain yang berkaitan dengan kemajuan sains dan teknologi di bidang pendidikan dapat dilancarkan dari semasa ke semasa untuk melengkapkan lagi kepandaian dan kemahiran anak-anak kita supaya mereka dapat membina kehidupan melalui kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh negara dan seterusnya menjadikan bidang pendidikan satu industri yang besar sebagaimana yang pernah disarankan oleh yang kita kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita dan industri ini menjadi industri yang besar seperti di England, Amerika, Australia ataupun Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pelancongan adalah satu industri yang menghasilkan pendapatan lumayan kepada negara selain dari hasil petroleum dan kelapa sawit serta barang-barang buatan lain. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang telah berganding bahu dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi meletakkan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang kian diminati ramai.

Usaha-usaha mempertingkatkan bidang kesenian, kraftangan, destinasi kunjungan pelawat, promosi dan sebagainya perlu terus diperkembangkan lagi. Mungkin sebagai satu

cadangan yang boleh dikemukakan ialah setiap daerah di setiap negeri menghidupkan industri pelancongan masing-masing yang berkualiti sama ada dalam bentuk industri kecil, tempat perkelahan, juadah istimewa, warisan sejarah, sukan tradisional dan lain-lain yang berkaitan. Semuanya ini boleh dimasukkan dalam kalendar pelancongan negeri masing-masing supaya dapat diperkenalkan kepada para pelancong yang berkunjung pada setiap tahun. Justeru itu, secara tidak langsung ianya dapat membawa pembangunan kepada kampung-kampung terpencil yang mempunyai ciri-ciri indah untuk pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa ketika yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melahirkan kebimbangan tentang pencemaran yang berlaku di sekitar perairan negara ini. Ini bermakna tahap kebersihan alam sekitar kita kian terancam dengan adanya sikap tidak bertanggungjawab rakyat tempatan mahupun rakyat asing yang sengaja membuang sisa-sisa kimia atau tidak mengambil berat untuk mengatasi pencemaran hasil tindak-tanduk mereka sendiri. Saya menyokong penuh langkah untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang tidak bertanggungjawab itu demi untuk memelihara alam sekitar, perairan dan sistem ekologi supaya tidak menjadi punca pupusnya kehidupan laut mahupun darat. Hukuman berat dan denda patut dikenakan seperti di negara-negara lain di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran alam sekitar membawa risiko yang tinggi kepada manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ternakan. Ini berkait rapat dengan bidang kesihatan dan aktiviti pertanian yang dijalankan.

Tumbuh-tumbuhan dan ternakan yang tercemar akhirnya akan menjejaskan kesihatan manusia sendiri. Akhirnya manusia yang wujud pada hari ini dan esok adalah manusia yang rendah tahap kesihatannya dan tidak akan dapat bertahan lama untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin, pendidik, pentadbir dan lain-lain kerana sumber makanan mereka dan juga alam sekitar mereka yang terjejas teruk oleh tangan-tangan manusia yang cuai, degil, lalai, tidak adil serta tidak bertimbang rasa. Saya harap kementerian berkenaan mengambil langkah tegas dan efektif mengenai pencemaran alam sekitar oleh sebuah kilang getah di Selama dalam kawasan Larut kerana pencemaran berlaku amat serius dan merisaukan kehidupan manusia di sana.

Tuan Yang di-Pertua, ketegasan Malaysia mempertahankan hak-hak kemanusiaan di forum-forum dan persidangan antarabangsa telah mendapat penghargaan dan penghormatan dari banyak pihak. Di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) umpamanya para pemimpin kita berulang kali mendesak kuasa-kuasa besar dunia supaya tidak berdolaldalik tentang isu Bosnia-Herzegovina dan Chechnya serta masalah-masalah yang membabitkan umat Islam yang tertindas di beberapa tempat di dunia. Cadangan Malaysia supaya keanggotaan Majlis Keselamatan dan kuasa veto kuasa-kuasa besar dikaji semula adalah berdasarkan kenyataan dan bukan lagi sesuatu yang mutlak yang menjadi milik setengah-setengah negara yang besar semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Islam yang bernaung di bawah OIC perlu lebih tegas menggunakan senjata mereka terutamanya kuasa minyak

sebagai satu usaha yang mampan bagi menangani isu-isu Islam sedunia yang sentiasa dizalimi dan ditindas. Mengapakah negara-negara Islam lain tidak mencontohi Malaysia yang sentiasa tegas dan berani bersuara lantang di pentas antarabangsa bagi menyuarakan ketidak-adilan dan kezaliman yang berlaku setiap masa pada hal negara kita bukanlah kuasa besar ketenteraan yang hebat. Negara Islam harus bangun dari terus dibuai mimpi indah sedangkan umat Islam yang tertindas terus merintih dan mengalirkan air mata sengsara.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya semoga pucuk pimpinan kita akan dapat memainkan peranan lebih penting dan lebih aktif bagi menasihati dan kalau boleh memelopori kerjasama dan persefahaman dengan negara-negara Islam yang kuat dari segi militari dan sumber asli untuk melaksanakan 'trade embargo' terhadap mana-mana negara kuasa besar yang terus-terusan menganiayai atau menyokong kezaliman yang dilakukan terhadap umat Islam mahupun manusia segajat. Tahniah kepada Perdana Menteri kita atas usaha-usaha yang bernas yang telah ditunjukkan selama ini di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah tampak perlunya bagi Malaysia menguasai segala bidang berteraskan sains dan teknologi tinggi termasuk mempermodenkan dan memperlengkapkan angkatan bersenjata bagi menghadapi kemungkinan cabaran dari dalam dan juga luar negara. Pembelian pesawat-pesawat termoden masa kini bagi memperkuatkan daya ketahanan negara kita adalah tepat sekali memandangkan senario perkembangan semasa dan serantau yang serba berkemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui dengan kekuatan ekonomi yang sentiasa mantap dan berkembang, kekuatan ketenteraan dari segi bilangan anggota dan logistik serta perpaduan rakyat pelbagai kaum, negara kita akan melonjak ke tahap negara maju, disegani dan dihormati oleh negara-negara lain. Apa yang perlu dibangunkan bersama ialah perubahan sikap rakyat terbanyak kepada nilai-nilai positif, rohani dan jasmani supaya dapat dielakkan budaya penyalahgunaan kuasa, rasuah, membocorkan rahsia kerajaan dan negara kepada pihak musuh dan unsur-unsur negatif yang boleh melemahkan ketahanan fizikal dan mental.

Peranan Angkatan Tentera dan Biro Tata Negara di Jabatan Perdana Menteri serta program seperti Rakan Masjid dan Rakan Muda dan seumpamanya perlu diperbanyakkan bagi menghasilkan werganegara yang luhur akhlakunya dan sentiasa bersedia untuk menerima kemajuan dalam semua bidang, berwawasan dan bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang diperkatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, banyak yang ingin saya perkatikan dalam kesempatan yang diberikan ini, misalnya bidang membasmi kemiskinan, masyarakat penyayang, hal ehwal dalam negeri, budaya dan seni, promosi dan penerangan, pembangunan luar bandar, perbankan dan sebagainya. Namun, biarlah saya mengakhiri kalam ini di sini untuk memberi peluang kepada rakan-rakan lain di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan pula.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang

menang dalam pilihan raya sama ada yang bertanding ataupun yang tidak bertanding [*Tepuk*] Dan dengan kemenangan itu kita semua perlu bertanggungjawab bukannya keistimewaan sebagai yang saya kata tadi, bahkan ianya tanggungjawab yang berat kepada kita untuk menunaikan janji-janji pilihan raya yang telah kita janjikan di seluruh rantau.

Oleh itu, saya ingin menyokong Usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun tadi saya lupa hendak sebut bahawa masalah ataupun usul yang dibawa oleh Wakil Rakyat dari Parit Sulong terbuka untuk dibahas, tetapi nampaknya dengan adanya perbahasan dari wakil dari Larut tadi, maka secara automatis masalah yang berkenaan telah pun terbuka untuk dibahas. Saya minta maaf. Tanjong.

4.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Sebenarnya tadi pun saya tunggulah Tuan Yang di-Pertua untuk mengemukakan usul ini kepada Dewan untuk perbahasan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul untuk mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaannya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri serta Barisan Nasional kerana memperolehi keputusan pilihan raya yang terbaik sekali dalam sejarah pilihan raya Malaysia [*Tepuk*] seperti diperlihatkan dalam pilihan raya umum yang kesembilan yang berlangsung baru-baru ini, di mana Barisan Nasional telah mendapat 65.13% daripada jumlah undi yang dibuang.

Disebabkan ini Barisan Nasional telah memperolehi bukan sahaja majoriti 2/3 atau 4/5, tetapi telah melebihi majoriti 5/6 dengan mendapat lebih 84% kerusi Parlimen.

Apabila diimbak kembali adalah nyata Barisan Nasional pasti akan berjaya dengan cemerlang dalam pilihan raya umum baru-baru ini dengan majoriti 2/3 yang selesa disebabkan "euphoria" kebangsaan yang menyelubungi ekonomi kita, yang mana ia telah mencatatkan pertumbuhan lapan peratus untuk tujuh tahun berturut-turut serta dasar-dasar dan langkah-langkah yang lebih terbuka dan liberal mengenai bahasa, pendidikan dan budaya atau 'liberalisasi kecil' yang berlangsung sejak empat tahun kebelakangan ini.

Namun demikian, negara telah hilang peluang keemasan untuk menjadi contoh kepada seluruh dunia bahawa Malaysia boleh menjalankan pilihan raya umum yang diiktirafkan baik di peringkat kebangsaan mahupun dunia sebagai 'bebas, adil dan bersih' dan ini akan mengukuhkan lagi budaya dan tradisi demokrasi di negara ini dan bukan semata-mata mengekalkan pemerintahan Barisan Nasional.

Parti DAP menyeru ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen Semua Parti yang diketuai oleh seorang Ahli Parlimen Pembangkang untuk

mengkaji penyalahgunaan serta penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam pilihan raya umum 1995 bukan dengan tujuan mencari kesalahan dengan keputusan pilihan raya, tetapi untuk memastikan bahawa pilihan raya-pilihan raya umum yang akan datang akan diadakan dengan suasana yang akan diiktirafkan oleh negara dan seluruh dunia sebagai "bebas, adil dan bersih". Penyiasatan sedemikian harus meliputi tujuan, bidang dan tajuk-tajuk yang berikut:

1. Sebuah Suruhanjaya Pilihanraya yang Efisien dan Bebas

Reputasi Suruhanjaya Pilihanraya sebagai sebuah Suruhanjaya Pilihan raya yang efisien dan bebas telah tercemar akibat pilihan raya umum 1995.

Penolakan borang penamaan calon secara sewenang-wenang pada hari penamaan; kucar-kacir yang berlaku dalam pemilihan warna bagi kertas-kertas undi bagi Parlimen dan Dewan Negeri; kesilapan yang berlaku berhubung dengan pengiraan undi pada hari pembuangan undi; proses pendaftaran pengundi yang amat "scandalous" di mana pengundi-pengundi hantu atau "phantom" didaftarkan secara besar-besaran dan mereka tidak duduk atau bekerja dalam kawasan pilihan raya yang berkenaan.

Persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya yang tidak adil; kekurangan demokrasi, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pengundian pos yang dengan seriusnya menyindir proses pilihan raya demokratik; semuanya tidak membawa sebarang kredit kepada sebuah Suruhanjaya Pilihanraya yang sepatutnya bebas dan efisien.

Pilihan raya umum 1995 merupakan satu lagi contoh di mana tangan Suruhanjaya Pilihanraya terikat berkait dengan penetapan tempoh kempen pilihan raya yang adil dan demokratik dan pihak SPR tidak berdaya membuat apa-apa pun untuk menjalankan tugas perlembagaannya untuk menganjurkan pilihan raya umum yang "bebas, adil dan bersih" sama seperti kewajipan menjunjung konsep sebuah kerajaan sementara (caretaker government) di mana Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet tidak menyalahgunakan kedudukan rasmi mereka, wang awam dan kemudahan awam untuk tujuan berkempen untuk parti ataupun dalam mencegah politik wang dari mengkorupkan proses pilihan raya yang memomokkan undang-undang pilihan raya, yang menghadkan perbelanjaan pilihan raya kepada RM50,000 untuk seorang calon Parlimen dan RM30,000 untuk seorang calon Dewan Negeri.

2. Peranan media massa dalam pilihan raya umum

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengecam pihak British Broadcasting Corporation (BBC) sebagai "congenital liars". Beliau berkata dan saya sebut: "The BBC is congenitally incapable of telling the truth; for the BBC, the idea of broadcasting is to tell lies."

Kata-kata ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadikan rakyat Malaysia memikir tentang kelakuan beberapa media massa Malaysia semasa pilihanraya umum yang berlangsung baru-baru ini. Parti DAP dan saya sendiri telah menjadi mangsa pendustaan dan pembohongan yang dilakukan oleh

beberapa media massa Malaysia dalam pilihan raya umum yang berlangsung baru-baru ini dan dijustifikasikan sebagai "hak akhbar yang bebas dan berkecuali" untuk mengambil suatu pendirian ke atas pilihan raya umum".

Jika sekiranya pihak media massa sama ada elektronik atau mencetak ingin mengambil pendirian bersifat editorial untuk menyokong Barisan Nasional, saya akan menghormati hak mereka. Tetapi mereka harus membuat satu perbezaan yang nyata antara pendirian editorial mereka untuk menyokong Barisan Nasional dan etika dan tanggungjawab profesional mereka untuk bersikap jujur dalam membuat laporan yang tidak memberi justifikasi kepada mereka untuk mencipta pendustaan tentang pihak Pembangkang.

Sepatutnya para wartawan Malaysia harus terikat dengan injunksi kewartawanan bahawa, dengan izin, 'opinions are free but facts are sacred' tanpa menghiraukan pertalian politik dan kecenderungan editorial mereka!

Saya tidak bercadang untuk menghiraukan pembohongan-pembohongan yang dilakukan terhadap pihak pembangkang, Parti DAP atau saya sendiri oleh beberapa media massa, sama ada media massa elektronik atau mencetak, semasa pilihan raya umum lepas tetapi sekiranya saya dicabar, saya bersedia menghuraikannya.

3. Politik Ketakutan dan Ugutan 13 Mei:

Dalam Titah Ucapan DiRaja, Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh tentang "politik perkauman yang sempit" dalam pilihan raya umum yang lepas.

Semenjak penubuhan parti DAP 29 tahun dahulu, DAP telah mengabdikan dirinya ke arah visi sebuah Malaysia yang adil, saksama, demokratik, maju, makmur dan bersatu-padu. Perjuangan pemimpin-pemimpin DAP adalah sama dengan perjuangan negara Malaysia dan bukan berasaskan kepentingan mana-mana kaum atau seksyen.

Politik kaum dan ketakutan telah diapi-apikan dalam pilihan raya umum baru-baru ini yang menyediakan asas di mana ugutan dan ketakutan tentang 13 Mei telah digunakan dengan berkesan di dalam dan di luar Pulau Pinang pada hari membuang undi sehingga suri-suri rumahtangga terburu-buru menyimpan stok makanan menjelang hari membuang undi.

DAP tidak pernah membangkitkan peristiwa 13 Mei dan adalah amat bodoh sama sekali bagi pihak Pembangkang dan DAP untuk membangkitkan spectre tentang 13 Mei. Kerajaan Barisan Nasional telah dengan jayanya menggunakan ugutan 13 Mei untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya umum sehingga masih terdapat media massa tertentu yang masih menjustifikasikan spectre 13 Mei yang mereka bantu mencipta di kalangan rakyat jelata pada hari membuang undi dengan mendakwa bahawa mereka semata-mata ingin mencegah peristiwa tersebut daripada diulangi.

Sekiranya mandat Barisan Nasional adalah berasaskan kepada politik dan taktik ketakutan dan peristiwa 13 Mei, maka dua persoalan yang perlu ditanya oleh rakyat Malaysia ialah; pertama, bukankah ini merupakan asas yang lemah bagi mandat untuk Wawasan 2020; dan kedua, bilakah pilihan raya umum Malaysia akan bebas daripada

taktik dan ketakutan mengenai 13 Mei di mana pemimpin-pemimpin nasional akan berhenti daripada menggunakan walau seberapa licin pun peristiwa 13 Mei untuk menakut-nakutkan para pengundi untuk menyokong mereka.

Ini merupakan persoalan yang amat penting sekali kerana ugutan mengenai 13 Mei telah digunakan berulang kali oleh Barisan Nasional sebagai strategi utama pilihan raya untuk menakut-nakutkan para pengundi di dalam tiga pilihan raya umum yang lepas.

Berikut merupakan apa yang telah dikatakan oleh saya mengenai eksploitasi Barisan Nasional dengan ugutan dan ketakutan ke atas 13 Mei di dalam pilihan raya 1990 semasa saya menyertai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja pada 5 Disember 1990 dan saya petik:

“Lima hari sebelum hari pengundian, di satu ceramah yang diadakan di Johor Bahru pada 16 Oktober, Dr. Mahathir telah membangkitkan hantu 13 Mei dengan mengatakan bahawa sekiranya Barisan Nasional gagal menguasai majoriti dua pertiganya, maka peristiwa 13 Mei akan berulang lagi.

Di dalam *Utusan Malaysia*, satu iklan dengan tajuk “Sokong Membawa Rebah” dan di *Nanyang Siang Pau* di bawah tajuk “Mengenang Kembali Sejarah”, kedua-duanya mempamerkan gambar yang sama yang menggambarkan pertumpahan darah, keganasan, pembakaran dan pembunuhan beramai-ramai.

Impak visual gambar sedemikian telah diperkuatkan lagi dengan perkataan-perkataan di bawah

gambar berkenaan yang dengan sekali gusnya telah menyampaikan mesej yang dikehendaki iaitu sekiranya Barisan Nasional dan UMNO gagal dalam pilihan raya pada 21 Oktober, 1990 maka peristiwa 13 Mei akan sekali lagi berlaku di Malaysia di mana pertumpahan darah, keganasan, kebakaran dan pembunuhan beramai-ramai tidak akan dapat dielakkan.”

Itulah apa yang saya katakan di Parlimen dalam tahun 1990.

Semasa menyertai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja pada 8 Oktober 1986, saya juga bercakap mengenai penggunaan ugutan 13 Mei oleh Barisan Nasional di dalam pilihan raya umum 1986. Semasa itu saya berkata bahawa Perdana Menteri sendiri telah mengeluarkan ugutan mengenai 13 Mei dan berkata bahawa peruntukan pembangunan tidak akan diberikan sekiranya Pembangkang menang.

Sekiranya Barisan Nasional terus menggunakan politik penakutan dan ugutan 13 Mei untuk memastikan kemenangannya di dalam pilihan raya umum, maka pembangunan negara dan demokrasi Malaysia tidak boleh dikatakan sebagai telah cukup matang.

Saya tidak bercadang untuk menjadikan perbahasan ini sebagai satu rekriminasi tentang bagaimana Barisan Nasional telah menang atau bagaimana DAP telah tewas dalam pilihan raya umum yang baru berlangsung ini. Saya menerima keputusan rakyat walaupun betapa tercacat, tidak bebas, tidak adil dan tidak bersih kempen dan proses pilihan raya umum. Marilah kita menuju untuk mengukuhkan sistem demokrasi di Malaysia.

Dengan semangat inilah saya telah membuat cadangan supaya sebuah jawatankuasa Parlimen semua parti ditubuhkan untuk mengkaji penyalahgunaan dan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam pilihan raya umum yang baru lepas dan membuat perakuan-perakuan untuk mengadakan sebuah Suruhanjaya Pilihan Raya yang bebas dan efisien serta untuk memastikan pilihan raya akan datang adalah bebas, adil, bersih dan demokratik.

Titah Ucapan DiRaja selepas pilihan raya umum 1995 mengingatkan saya tentang Titah Ucapan DiRaja selepas pilihan raya 1982, iaitu semasa Barisan Nasional mencapai kemenangan cemerlang manakala DAP mengalami kegagalan pilihan raya yang teruk.

Dalam pilihan raya umum 1978, semasa pencapaian keputusan DAP agak menggalakkan, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mendakwa bahawa negara ini mengalami masalah polarisasi perkauman yang amat serius. Tetapi di dalam pilihan raya 1982, apabila DAP mengalami kegagalan pilihan raya yang teruk, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pula mengumumkan bahawa pilihan raya umum berkenaan telah berjaya memperkukuhkan institusi demokrasi di tanah air kita, bahawa rakyat Malaysia generasi tua dan muda semuanya menolak sentimen perkauman yang selalunya menyerongkan pilihan di dalam pilihan raya umum dan bahawa jelas sekali rakyat kita kini lebih matang dan rasional. Masa itu, tidak lagi wujud sebarang kata-kata mengenai polarisasi kaum sehinggalah Barisan Nasional kalah sekali lagi dalam pilihan raya umum di beberapa tempat pada tahun 1986 dan 1990.

Apabila Barisan Nasional mendapat kemenangan cemerlang di dalam pilihan raya umum baru-baru ini,

pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mendakwa bahawa ini — saya quote dalam Titah Ucapan “merupakan satu kejayaan Malaysia memantapkan satu proses demokrasi yang dinamis sebagai wadah perjuangan dan pembangunan dan sebagai forum musyawarah yang dapat menyatupadukan rakyat”.

Persoalan yang perlu ditanya oleh rakyat Malaysia ialah sama ada kemenangan cemerlang Barisan Nasional baru-baru ini merupakan satu langkah besar ke arah pendemokrasian dan pembangunan negara di Malaysia kita. Adakah ini bererti bahawa institusi demokrasi di Malaysia hanya dapat diperkukuhkan apabila parti pemerintah, sama ada dengan cara yang adil atau tidak, telah memenangi lebih kerusi di dalam Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri, sementara pihak pembangkang pula mengalami kegagalan yang teruk; dan bahawa institusi demokrasi yang menjadi lemah dan terjejas apabila pihak Pembangkang mendapat kerusi yang banyak di Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri, sementara calon-calon Barisan Nasional pula kalah dalam pilihan raya.

Mengikut logik sedemikian, demokrasi di Malaysia akan dikenali dan disamakan dengan nasib Barisan Nasional, di mana nasib yang terdahulu akan merupakan juga nasib yang kemudian, supaya demokrasi di Malaysia akan mencapai titik yang sempurna apabila semua parti pembangkang telah dihapuskan sama sekali dan tinggalah sebuah negara satu parti. Logik ini akan menghalalkan segala tindakan yang digunakan, termasuk ugutan dan ketakutan mengenai peristiwa 13 Mei, untuk mencapai matlamat kemenangan cemerlang Barisan Nasional atau,

dengan izin, “the means justify the end”. Adakah ini tafsiran demokrasi muktamad di dalam Wawasan 2020?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Parti DAP telah mengalami kegagalan teruk dalam pilihan raya umum 1995 ini secara ironis disebabkan oleh kejayaan DAP sendiri—kerana tanpa ragu-ragu “liberalisasi kecil” tidak akan berlaku dalam dasar pembinaan negara semenjak empat tahun kebelakangan ini, kalau bukan kerana perjuangan DAP selama dua dekad ini.

Saya masih teringat bahawa dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an, apabila Ahli-ahli Parlimen DAP dituduh sebagai anti-nasional, perkauman, halangan terhadap perpaduan negara oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional apabila kami menyeru supaya diadakan dasar-dasar yang lebih terbuka dan liberal mengenai pendidikan, bahasa dan budaya yang mencerminkan sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang budaya dan berbilang agama, seperti dalam menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi untuk rakyat Malaysia yang muda, dengan membenarkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta, penerimaan dan sokongan untuk pendidikan bahasa ibunda termasuk sokongan kewangan untuk Sekolah-sekolah Menengah Bebas Tionghua, penghormatan yang sewajarnya terhadap semua bahasa dan budaya Malaysia dengan meningkatkan waktu siaran untuk program-program bahasa Cina dan Tamil menerusi TV dan radio serta juga pembatalan sekatan-sekatan ke atas kebudayaan-kebudayaan semacam tarian singa dan lain-lain.

Semasa Ahli Parlimen DAP mencadangkan langkah-langkah dan polisi-polisi pembinaan negara yang

lebih liberal dan terbuka dalam tahun-tahun 70an dan 80an, tindakan kami bukan sahaja tidak popular, malah adalah amat berbahaya sekali kerana semua yang dicadangkan oleh kami pada masa tersebut telah dianggap sebagai 'tiket masuk' ke dalam tahanan ISA pada ketika itu. Ancaman-ancaman yang sedemikian serta nama-nama julukan yang memburuk-burukkan kami seperti anasir-anasir perkauman, chauvinisme, anti-nasional dan penghalang perpaduan negara, tidak pernah menghalang Ahli-ahli Parlimen DAP dari melaksanakan tanggungjawab nasional mereka.

Sebagai contoh, dalam bulan Mac, 1978, saya memberitahu Dewan yang mulia ini; saya quote "adalah di katakan bahawa satu generasi membuka jalan untuk kemajuan generasi yang seterusnya, tetapi di Malaysia satu generasi sedang menutup jalan ke arah peluang pendidikan supaya generasi depan tidak dapat melanjutkan kemajuan mereka. Ini merupakan tindakan yang mengundur dan bukan maju".

Dalam seluruh tempoh tahun 70-an dan 80-an, DAP telah menyeru supaya peluang pendidikan tinggi diperluaskan untuk membenarkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta supaya 80% pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian mereka dapat berbuat demikian di dalam negara kita sendiri. DAP juga bertegas dengan tema kami di dalam Parlimen sejak 20 tahun yang lepas bahawa semua rakyat Malaysia, tidak kira kaum, bahasa, budaya dan agama adalah sekeluarga.

Pada bulan Mac, 1982, saya berkata di Parlimen seperti berikut:
"Melainkan kita di Malaysia dapat

mencapai satu konsensus nasional baru di mana setiap rakyat Malaysia, tidak kira kaum dan keturunan, latarbelakang budaya atau kepercayaan, telah diterima sebagai rakyat negara ini sepenuhnya, yang bertaat setia tanpa berbelah bagi terhadap negara ini, di mana ketaatsetiaannya tidak kerap dipersoalkan, maka rakyat Malaysia tidak akan dapat bersatu-padu dan hidup dalam harmoni, dan rakyat Malaysia tidak akan dapat menggunakan sepenuhnya potensi sumber manusia dan semulajadi mereka untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang kuat dan gagah.

Masyarakat Cina dan India sering dituduh sebagai anti-nasional kerana mereka ingin mengekalkan tradisi budaya mereka di Malaysia. Tetapi apa yang diminta oleh mereka sebenarnya adalah selaras dengan apa yang telah dinyatakan di dalam objektif Rukunegara untuk menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak. Mereka yang cuba menafikan hak budaya Cina dan India untuk mendapat satu tempat yang sewajarnya di dalam landskap budaya rakyat Malaysialah yang sebenarnya anti-nasional dan cuba merosakkan asas majmuk Malaysia."

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika, saya diberitahu oleh seorang Menteri Kabinet di dalam Dewan yang mulai bahawa saya boleh meninggalkan Malaysia sekiranya saya tidak suka dasar-dasar Barisan Nasional disebabkan saya telah berjuang tentang betapa perlunya diadakan dasar-dasar yang liberal dan terbuka dalam bidang pendidikan, bahasa dan budaya. Dan saya terpaksa mengingatkan Menteri

berkenaan bahawa adalah menjadi hak saya untuk berucap bagi rakyat Malaysia dan bahawa beliau adalah yang sepatutnya meninggalkan Malaysia sekiranya beliau tidak menghormati hak tersebut—ini ada dalam *Hansard*.

Hari ini, beberapa daripada cadangan-cadangan kami agar diadakan dasar-dasar dan langkah-langkah yang lebih liberal dan terbuka berhubung dengan pendidikan bahasa dan budaya telah diterima dalam liberalisasi kecil semenjak 4 tahun yang lalu ini tetapi kami masih dituduh sebagai anasir-anasir perkauman.

Pemimpin-pemimpin DAP tidak menduga akan diberi ganjaran, anugerah kerana menjadi lampu harapan rakyat Malaysia dengan menunjuk jalan ke arah sebuah negara Malaysia yang lebih bersatu-padu, adil, saksama, maju dan makmur. Juga kami tidak menduga Kerajaan Barisan Nasional akan mengakui bahawa apa yang diutarakan dan dikorbankan oleh pemimpin-pemimpin DAP dalam masa kebelakangan ini adalah betul tetapi sekurang-kurangnya kami menduga akan terdapat kesediaan untuk mengiktiraf bahawa parti-parti Pembangkang telah memainkan peranan yang positif dan membina dalam pembangunan Malaysia serta kesediaan oleh kerajaan Barisan Nasional untuk tidak menggunakan politik tidak bertanggungjawab dengan menggunakan media massa yang dikongkongkannya untuk menggambarkan parti DAP sebagai perkauman dan parti-parti pembangkang yang lain dengan dusta-dusta yang lain.

Namun demikian, kegagalan DAP dalam Pilihan raya Umum 1995 tidak akan menghalang DAP daripada menyuarakan bagi pihak rakyat Malaysia dari semua kaum untuk

keadilan, persamaan dan dignity ataupun daripada terus mendesak supaya diadakan liberalisasi penuh dan pendemokrasian di dalam dasar-dasar pembinaan negara.

Saya tidak percaya bahawa kekalahan DAP dalam Pilihan Raya Umum tahun 1995 ini merupakan satu petanda bahawa ketetapan DAP untuk mewujudkan liberalisasi sejati dan pendemokrasian di negara kita ini telah ditolak oleh rakyat jelata dan ia juga tidak boleh dianggap sebagai penolakan rakyat terhadap perjuangan DAP selama 29 tahun ini untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bebas, saksama, adil, pembangunan yang sama rata, kerajaan yang baik dan bertanggungjawab serta sebuah negara yang bersatu-padu. Sekiranya kerajaan Barisan Nasional mengambil keputusan untuk membuat kesimpulan yang sedemikian, maka ia harus bersedia untuk menghadapi risiko yang bakal terlibat.

Sungguhpun telah wujud liberalisasi kecil dalam polisi-polisi dan langkah-langkah pembangunan negara dalam segi pendidikan bahasa dan budaya tetapi jelas sekali liberalisasi politik dan pendemokrasian yang ditunggu-tunggu sekian lama masih kekurangan lagi.

Sekiranya Barisan Nasional menganggap bahawa kemenangan cemerlangnya kali ini merupakan penerimaan rakyat terhadap polisi-polisinya yang tidak demokratik, maka ia tentu sekali akan merupakan sesuatu yang malang kepada Malaysia. Antara polisi-polisi dan langkah-langkah yang tidak demokratik Barisan Nasional termasuklah:-

- (1) Pemangsaan dan penganiayaan para pemimpin parti pembangkang dan rakyat

Malaysia yang berani menentang Barisan Nasional serta membongkarkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang terlibat di dalam korupsi, pecah amanah yang berjenayah dan lain-lain bentuk penyalahgunaan kuasa.

(2) Amalan-amalan yang tidak demokratik termasuk:

(i) rapat umum terus diharamkan;

(ii) Lidah rasmi parti DAP, Rokat, terus dihalang dari dijual kepada orang awam walau pun untuk tempoh selama 25 tahun dari 1966 sehingga 1991, ia adalah bebas dijual kepada orang awam;

(iii) Kawalan, penapisan dan pelesenan yang ketat ke atas pihak akhbar misalnya mengharamkan pihak akhbar dari melaporkan pandangan-pandangan yang bertentangan dalam sesetengah isu, dengan alasan bahawa semua ini adalah isu-isu sensitif seperti Pusat Kemudahan Pembuangan dan Pengendalian Bahan-bahan Buangan Toksik di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan projek empangan hidroelektrik bernilai RM15 bilion di Bakun. Hanya dalam bulan Februari lepas, iaitu dua bulan sebelum Pilihan Raya Umum, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan amaran

bahawa ia akan menarik balik lesen percetakan tiga akhbar Cina tempatan sekiranya mereka memberikan terlalu banyak ruangan liputan kepada berita-berita DAP.

(3) Undang-undang yang paling draconian yang merampas kebebasan asas rakyat Malaysia yang sebenarnya telah termaktub di dalam Perlembagaan negara ini misalnya ISA, Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan.

(4) Penutupan isu-isu korupsi, penyalahgunaan kuasa, akauntabiliti dan skandal-skandal kewangan seperti kerugian pertukaran mata wang asing Bank Negara yang bernilai RM30 bilion, skandal penculikan saham Telekom Maika, skandal turbin gas dan peruntukan saham bumiputera khas kepada sanak-saudara para Menteri UMNO serta ketidak saksamaan dan penyalahgunaan kuasa kerajaan dalam merampas hak-hak perlembagaan hartanah pada pemilik tanah di dalam kes-kes pengambilan tanah yang tidak adil dan sewenang-wenangnya di seluruh negara dari dibangkitkan sebagai isu-isu utama di dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini;

(5) Ketepian isu-isu yang berkenaan dengan akauntabiliti, keefisiensi dan prestasi kerajaan antaranya termasuk-lah rekod yang

memalukan dalam Kementerian Pengangkutan yang mana dipenuhi dengan berita-berita malang seperti kebakaran lapangan terbang, pelanggaran langkah-langkah keselamatan dan baru-baru ini, keretapi KTM dengan dahsyatnya telah melanggar sebuah van di Sungai Petani minggu lepas dan menyebabkan 6 orang terbunuh.

DAP menyambut baik keputusan kerajaan baru-baru ini dengan tidak mengambil tindakan terhadap dua orang pemberita akhbar *Harian Metro* di bawah Akta Rahsia Rasmi serta pembebasan mereka berdua.

Yusaini Ali bersama dengan Saniboey Mohd. Ismail yang ditangkap pada 30 Mac telah berkata selepas dibebaskan bahawa beliau amat gembira dengan keputusan ini dan bahawa pengalamannya harus dijadikan suatu pengajaran kepada para pemberita lain. Beliau berharap mereka akan lebih berhati-hati lagi dalam tugas mereka kelak.

Sekiranya insiden ini berjaya menjadikan Akta Rahsia Rasmi sebagai fobia semua pemberita menakutkan pihak akhbar dan orang awam maka ini akan merupakan satu insiden yang amat menyedihkan kerana dengan itu keputusan pihak polis yang mengambil tindakan terhadap dua orang pemberita berkenaan telah pun berjaya dalam rancangan mereka untuk meransangkan ketakutan semua pemberita terhadap Akta Rahsia Rasmi ini.

Dengan katakutan yang jelas terhadap Akta Rahsia Rasmi ini, negara kita tidak akan ada sebarang

kebebasan berucap dan meluahkan pendapat atau kebebasan mendapat maklumat. Ia juga dengan langsungnya bertentangan dengan pertumbuhan media massa yang bebas dan berdikari sebagaimana yang dijanjikan oleh Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 1995.

Pembebasan dua orang pemberita *Harian Metro* ini harus dianggap sebagai satu permulaan kempen kesedaran seluruh negara untuk menghapuskan fobia OSA di kalangan pihak akhbar Malaysia dan kehidupan awam dengan menuntut supaya OSA dihapuskan dan bukannya memperkuatkan lagi fobia OSA di dalam badan politik Malaysia.

Dengan penguasaan majoriti sebanyak 84% di Parlimen, Kerajaan Barisan Nasional harus melaksanakan proses pendemokrasian di dalam semua aspek kehidupan rakyat Malaysia dengan penuh keyakinan, bermula dengan pembaharuan Parlimen dan dilanjutkan dengan kajian semula semua undang-undang yang keras supaya dikembalikan kebebasan demokratik dan hak asasi manusia kepada rakyat Malaysia sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

Kerajaan Barisan Nasional boleh mendapat jaminan bahawa DAP akan memberikan sokongan kami ke atas sebarang program pendemokrasian serta ke atas polisi-polisi untuk menunaikan janji-janji yang dibuatnya di dalam Pilihanraya Umum kali ini bahawa kita adalah sekeluarga dan ia juga harus berhati-hati bahawa sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak melaksanakan kedua-dua tugas tersebut, maka DAP akan tetap menjadi pengkritik dan penentangannya yang paling tegas sekali. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Marang.

5.20 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Wassalamuala maanitaba'al huda.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita baru sahaja mengadakan Pilihanraya Umum bagi menjalani suatu proses penting dalam amalan demokrasi berparlimen. Menurut kebiasaannya, rakyat diberi kebebasan untuk memilih kerajaan. Di kalangan parti-parti yang bertanding, Barisan Nasional yang telah memerintah sejak beberapa kali pilihan raya terus mengekalkan kedudukan melebihi majoriti 2/3 dan terus berjaya membentuk kerajaan di peringkat Pusat dan kebanyakan Kerajaan Negeri.

Kami mengakui hakikat bahawa Barisan Nasional telah mencapai kemenangan dalam pilihan raya tersebut, tetapi pada kesempatan ini, saya suka menyebut beberapa perkara yang perlu menjadi renungan bersama di mana wujudnya beberapa perkara negatif terhadap amalan demokrasi yang berlaku dalam masa pilihan raya. Penyakit yang menimpa demokrasi di beberapa buah negara juga melanda negara kita. Di antaranya ialah pengaruh politik wang bagi mendapat sokongan rakyat. Sikap mereka diganggu oleh sogokan wang secara langsung atau tidak langsung. Perasaan secara bebas untuk memilih diganggu perasaan termakan budi yang diadakan dalam masa pilihan raya, terutama di kalangan rakyat miskin dan termiskin dan tidak mempunyai kematangan politik di kalangan masyarakat luar bandar.

Kepada orang-orang Islam, sepatutnya mereka faham, Allah S.W.T. telah mendedahkan bagaimana politik harta mempengaruhi masyarakat Bani Israel Yahudi di zaman silam. Apabila kepimpinan negara ditentukan menurut sogokan harta secara rasuah sehingga perkara kebijaksanaan, sifat adil dan ilmu menjadi perkara sampingan. Kita melihat di setengah negara-negara Barat yang dinamakan negara bebas juga berlaku politik wang. Apabila golongan kapitalis membiayai parti yang diusahakan oleh mereka untuk membentuk kerajaan dan selepas itu boleh mempengaruhi kerajaan untuk kepentingan-kepentingan mereka.

Perkara politik wang yang pernah menjadi perbincangan hangat dalam Perhimpunan Agung UMNO yang menjadi teras kepada kerajaan, politik wang dalam menghadapi pemilihan kepimpinan mereka sudah tentu boleh menjadi lebih ketara lagi dalam Pilihan Raya Umum apabila mereka terlibat dalam Pilihan Raya Umum, terutamanya apabila suatu peraturan dan undang-undang pilihan raya yang tegas untuk membanteras politik wang masih tidak wujud.

Perubahan dalam politik negara yang dahulunya diberi peranan aktif kepada kalangan guru-guru sekolah dan guru-guru KEMAS bertukar pula kepada peranan yang lebih aktif kepada golongan korporat yang berlumba-lumba di kalangan mereka, sudah tentu perkara ini memberi pengaruh besar untuk memesatkan berlakunya politik wang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut adat demokrasi berparlimen, kerajaan yang berada di musim pilihan raya ialah kerajaan sementara yang tidak

mewakili mana-mana parti, walaupun tokoh yang berada di dalamnya orang-orang parti. Sepatutnya dia tidak boleh menggunakan tempat kerajaan atau kedudukannya di dalam kerajaan itu untuk kepentingan partinya bagi menghadapi pilihan raya. Perkara-perkara kerajaan sepatutnya tidak dicampur-aduk dengan kepentingan partinya dalam musim pilihan raya, tetapi suatu keganjilan berlaku dalam negara kita apabila alat-alat kerajaan diturunkan sama untuk bergelumang dengan pemimpin-pemimpin kerajaan dan arahan mereka di musim pilihan raya. Hal-hal yang seperti ini sangat menjejaskan proses demokrasi yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, peranan media massa juga sangat besar di masa pilihan raya. Barisan Nasional telah menguasai 99% media massa, cetak dan elektronik sehingga memasuki tempat tiap-tiap telinga pengundi. Parti-parti Pembangkang hanya bergantung kepada majlis-majlis ceramah, sebaran-sebaran terhad, poster-poster yang terikat dengan berbagai-bagai peraturan yang membatasinya. Bahan-bahan yang diberi oleh para wartawan dikepung dan ditapis terlebih dahulu oleh pihak yang berkenaan di tempat masing-masing untuk memberi saham yang menguntungkan Barisan Nasional dalam perlumbaan mendapat sokongan undi. Perkara ini juga sangat menjejaskan proses demokrasi.

Saya tidak tahu mengapa pihak kerajaan tidak berani mengadakan seperti perbincangan terbuka dengan penyertaan pemimpin-pemimpin Pembangkang seperti yang dilakukan di negara-negara lain supaya rakyat dapat mendengar dan membaca dari semua pihak dan boleh diminta penjelasan dan diminta hujah dari parti

masing-masing sehingga rakyat dapat melakukan pemilihan dengan penuh kematangan.

Dalam Pilihanraya Umum yang lalu, seperti juga dalam pilihan raya pada masa-masa lalu, Parti Pembangkang, khususnya PAS menjadi mangsa fitnah, maki hamun, deraan dan pelbagai lagi yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata dari pihak media massa. Ini menyebabkan kami dan orang ramai yang masih merindukan kemurnian akhlak, etika kewartawanan dan profesionalisme bertanya di mana nilai-nilai murni ini dihumbankan.

Benar media cetak dan elektronik ini dipunyai oleh parti-parti dalam komponen Barisan Nasional yang memerintah dan kerana itu editor dan wartawannya disuruh menjaga kepentingan tuan-tuan mereka. Bagaimanapun, tidakkah ada walau sedikit pun dalam hati sanubari pemimpin media massa itu rasa berdosa ketika menyiarkan berita dan gambar-gambar fitnah itu? Tidakkah ada rasa tanggungjawab mereka walau sedikit pun untuk memelihara profesionalisme kewartawanan, kemurnian akhlak ataupun etika kewartawanan yang digubal oleh mereka sendiri beberapa tahun lalu?

Tuan Yang di-Pertua, sungguh aneh, ketika pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional menyerang akhbar-akhbar dan televisyen Barat yang menyebarkan berita-berita yang dianggap fitnah terhadap mereka, di masa yang sama akhbar-akhbar dan TV Malaysia menyiarkan berita-berita dan gambar-gambar fitnah terhadap PAS dan ini seolah-olah diresui oleh pemimpin mereka. Ini adalah sikap double standard yang diamal oleh pemimpin kerajaan yang memerintah.

Mereka mengharamkan fitnah orang lain terhadap mereka, tetapi di masa yang sama menghalal fitnah media massa tempatan terhadap musuh politik mereka.

Jelaslah, Tuan Yang di-Pertua, setelah pengarang-pengarang ini menjadi khadam kepada tuan-tuan mereka di dalam Barisan Nasional, mereka dengan rela hati mengorbankan seluruh nilai-nilai murni ini demi untuk menjamin kemenangan Barisan Nasional. Kami percaya suatu masa nanti akan tiba apabila pemimpin-pemimpin dan wartawan media massa akan tua dan bersara ataupun menghadapi saat-saat akhir hayat mereka, mereka akan terkenal kembali perbuatan mereka di masa lalu ketika menjadi "raja" di gedung-gedung akhbar dan TV.

Perkara ini perlu diberi peringatan sebelum terlambat. Fikirkanlah masa depan yang akan kita tempuh, fikirkanlah soal dosa pahala kerana bagaimanapun kita cuba lari dari memikirkan persoalan ini, ia akan datang juga di depan kita untuk membuat perhitungan. Kita perlu berlaku adil dan saksama: sama ada kita menghadapi Allah dalam keadaan redhaNya atau dalam keadaan kemurkaanNya. Tidak ada sebarang sistem nilai, lebih-lebih lagi dalam Islam, yang menghalalkan media massa menaburkan fitnah, memutarbelitkan kenyataan, berdusta dan sebagainya. Jika ada sistem nilai yang membenarkan perbuatan keji itu, ia adalah datang dari nafsu yang didorong oleh perasaan yang tidak betul dan sudah tentu ia adakah menyalahi keadilan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyentuh perkara pilihan raya juga, saya suka mengingatkan berlakunya

perkara-perkara yang tidak menyenangkan. Di antaranya wujud nama-nama pengundi yang tidak dikenali dalam kawasan mengundi. Mereka hadir dengan bas-bas yang disediakan untuk memindahkan mereka dari tempat-tempat yang tertentu, bahkan dari kilang-kilang yang tertentu dan ada di antara mereka makhluk asing ataupun rakyat asing yang menunjukkan bukan di kalangan penduduk asal negeri ini, di samping berlakunya bertindih nombor-nombor kad pengenalan di kalangan nama-nama yang berlainan. Di Terengganu sahaja berjumlah 4,000 kes dan di negeri lain juga hal itu berlaku. Ada pula nama-nama yang muncul, yang tidak muncul di masa dipamerkan Buku Pendaftaran Pemilih dahulu, tetapi di hari mengundi mereka datang untuk mengundi dan namanya ada. Selain dari itu, ada orang yang datang mengundi tetapi sudah ada orang yang telah mengundi bagi pihaknya dan berbagai-bagai lagi perkara yang boleh meragukan proses demokrasi secara sihat.

Tuan Yang di-Pertua, proses pengundian di kalangan angkatan tentera sangat maragukan. Tidak ada alasan bagi kerajaan untuk tidak membenarkan pemerhati dari parti-parti politik untuk pengundian di kalangan angkatan tentera. Selagi tidak ada pembedaan daripada apa yang berlaku sekarang, kami tetap ragu kepada pengundian yang dilakukan untuk kalangan angkatan tentera dan polis sama ada secara pos atau di pengkalan-pengkalan mereka; sehingga hari ini masih menunjukkan di mana sahaja ada kem tentera maka ia menjadi cagaran tetap kepada Barisan Nasional dalam kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian mengikut keadaan pilihan raya yang berlaku dengan gejala-gejala

yang tersebut, kita perlu mempersoalkan adakah ia benar-benar dari sikap rakyat secara demokratik atau ia diarahkan oleh tekanan-tekanan yang tidak sihat oleh sikap kepartian taksib pihak kerajaan yang boleh menimbulkan dan meyuburkan lagi berlakunya perkara negatif dalam pentadbiran negara. Kita tidak mahu pilihan raya berlaku seperti di Jerman Timur ataupun pernah berlaku di Mesir di zaman pemerintahan Gamal Abdul Naseer, pihak Kerajaan boleh menang 98%—lebih dari 90% selama-lamanya apabila pilihan raya diadakan di negeri-negeri tersebut. Tetapi apa yang membimbangkan ialah tragedi yang berlaku di negara tersebut, proses demokrasi tidak berlaku di atas amalan demokrasi yang sebenarnya—amalan demokrasi berpallimen tetapi berubah menjadi sebuah negara yang berdasarkan kepada diktator berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini saya ingin menyebut juga, pihak kerajaan selepas pilihan raya menyebut istilah adanya “pelampau agama dan rosak akidah ” tanpa menyebut huraiannya secara ilmu yang tepat bersumberkan ajaran Islam yang sebenarnya. Islam yang masih dijadikan “tangkal azimat” dalam Perlembagaan Malaysia tidak diberikan tempat yang wajar termasuk dalam menghuraikan perkara-perkara yang secara langsung menjadi masalah Islam itu sendiri seperti masalah istilah “pelampau agama” yang sering disebut, kerana yang boleh menentukan pelampau atau tidak menurut ajaran Islam ialah Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi sumber hukum-hukumannya yang wajib memandu akal fikiran manusia.

Oleh kerana itu, pihak PAS sentiasa terbuka untuk diajak bermuzakarah dalam menyelesaikan perkara ini.

Tidak harus bagi orang-orang Islam meneruskan pertelingkahan tanpa penyelesaian secara Islam. Penyelesaian secara Islam itu ialah ditegaskan oleh Al-Quranul-Karim, bukannya ciptaan UMNO ataupun ciptaan PAS. Al-Quranul-Karim menyebut, [*membacakan Ayat dari Al-Quranul-Karim*] yang bermaksud:

“Maka jika sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah (yakni Al-Quran) dan Rasul (yakni Hadis) sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat”.

PAS berulang kali mengajak pihak UMNO supaya bermuzakarah secara ilmu untuk mewujudkan perpaduan umat yang sebenarnya kerana kita tidak boleh menerima penyelesaian dengan menggunakan tekanan-tekanan politik dan membuat kenyataan-kenyataan melalui media massa, dengan menghukum sebelah pihak tanpa diberi hak kepada yang lain untuk menjelaskan keadaan yang sebenar. Kerana cara yang berlaku sekarang akan menjadi lebih bersifat fitnah yang menjauhkan lagi jurang yang membawa perselisihan pendapat sehingga terjebak dalam perkara-perkara nas agama secara putus yang tidak harus bagi orang Islam bertelingkah dan sangat malang apabila ia mengheret perkara yang berhubung dengan akidah yang tidak patut sedikit pun atau haram dijadikan punca pertelingkahan. Tetapi mestilah difahami bahawa perkara yang besar seperti ini tidak harus diseretkan “akal orang-orang yang tertentu” sahaja untuk menghukum orang yang dianggap lawan dan musuh; mereka bukannya berdasarkan kepada nas dan dalil-dalil yang tepat. Perlu difahami

bahawa perkara akidah ialah perkara nas, bukan perkara ijihad dan tidak harus ijihad dalam perkara nas.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, timbul suatu trend dalam isu politik antarabangsa yang mempengaruhi beberapa kerajaan yang sedang membangun termasuk Malaysia, di mana selepas tamatnya Perang Dingin dengan berslogankan ayat yang disebut "Orde Baru Dunia" tiba-tiba Islam ditonjol menjadi musuh nombor satu yang mengancam keamanan dunia. Satu sikap yang sangat tidak adil setelah tamadun Islam memberi sumbangan kepada kemajuan dunia. Dalam keadaan keruntuhan blok komunis, tiba-tiba mereka melabelkan golongan fundamentalis Islam yang mahu mengembalikan semula negara Islam tulen, yang ingin mendaulatkan syariatnya, sebagai golongan pelampau yang mesti ditentang habis-habisan atau dihapuskan dari muka bumi ini. Tuduhan-tuduhan dilemparkan dengan menggunakan berbagai-bagai perkataan dan ayat-ayat yang keras tanpa hujah yang tepat dan kajian secara ilmu dengan penelitian yang benar-benar adil dan jujur atau mereka melemparkan tuduhan secara melulu semata-mata kerana sikap permusuhan dan dendam.

Sejarah telah membuktikan apabila Islam diberi hak untuk memerintah dengan hukumnya yang tepat terlalu berbeza dengan kemenangan seperti yang berlaku melalui revolusi Perancis, perubahan politik di Britain yang menyembelih raja-raja mereka, revolusi Amerika, Russia, China dan lain-lain yang telah memakan dan memamah mangsa yang terlalu ramai yang sangat berbeza dengan kemunculan negara Islam kalau dibuat perbandingan. Sejarah telah dilupakan

hukum-hukum Islam tidak dirujuk melalui sumbernya yang masih kekal atau melalui pintu ijihadnya yang sentiasa terbuka.

Pihak pemimpin negara-negara Barat dan pertubuhan-pertubuhan politik dan ketenteraan yang ditaja oleh mereka terus-menerus membuat kenyataan serong terhadap golongan Islam. Apa yang membimbangkan ialah adanya di kalangan negara umat Islam sendiri terheret atau diheret atau terikut-ikut dengan trend yang diwujudkan itu sehingga ada yang telah menunjukkan jalan demokrasi yang telah diambil oleh parti-parti Islam perlu ditutup dengan berbagai-bagai cara, dengan ura-ura yang boleh menimbulkan syak wasangka di antara satu sama lain. Kita tidak mahu apa yang berlaku di Algeria berlaku di negara kita apabila golongan Islam mencapai kemenangan melalui demokrasi lalu ditutup peluang kepada mereka untuk melakukan pemerintahan yang sepatutnya dilihat terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya pihak kerajaan mengubah sikap taksab kepartian yang membawa kepada diskriminasi politik yang tidak baik itu apabila pihak kerajaan pusat tidak menghormati kemenangan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan melalui proses demokrasi walaupun prosesnya dengan cara yang begitu rupa, dengan penguasaan media massa yang begitu rupa dan berbagai-bagai langkah yang tersebut di atas untuk menjatuhkan kerajaan yang telah memerintah Kelantan sejak pilihan raya tahun 1990. Namun majoriti rakyat Kelantan memilih kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah tetapi pihak kerajaan pusat telah menunjukkan beberapa sikap yang tidak

menghormati keputusan pilihan raya, seperti melambat-lambatkan peruntukan kewangan dengan alasan-alasan yang tidak munasabah seperti yang pernah berlaku di masa lalu. Beberapa tindakan pentadbiran, di antaranya melantik pegawai persekutuan untuk mewujudkan dua pentadbiran negeri dan sampai dua pentadbiran ke kampung-kampung. Tidakkah ini semua lebih menggalakkan perpecahan?

Dan di antaranya juga ialah tidak diberi peranan kepada kerajaan negeri dalam meneroka dan melaksanakan cari gali petroleum dan gas sehingga sanggup membiarkan pihak Thailand bertindak lebih dahulu dan berbagai-bagai lagi boleh berlaku kalau tidak diperingatkan. Kalau kerajaan tidak menerima peringatan, tidakkah itu semua adalah amalan-amalan yang tidak bersifat demokrasi, yang tidak bersifat keadilan dan pemberian hak kepada rakyat dan negeri yang berada dalam Persekutuan Malaysia menurut apa yang telah diputuskan mengikut Perlembagaan sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Menteri Besarnya juga tidak diajak bermuafakat dalam semua perkara nasional di mana beliau dipulaukan dalam sebahagian daripada perjumpaan yang diadakan dan beliau tidak diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Keselamatan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kami berharap pihak kerajaan dalam menghadapi penggal ini dengan kemenangan yang begitu rupa hendaklah mengubah sikap negatif itu demi memelihara perpaduan nasional di mana semua pihak di Malaysia, termasuk pembangkang atau kerajaan negeri yang diperintah oleh pembangkang tidak seharusnya

dibelakangkan kerana perkara yang berlaku sangat bertentangan dengan sifat negara Islam atau negara sekular yang menghayati demokrasi yang sebenarnya. Dan kami tidak mahulah berlaku sehingga kami terpaksa menggunakan istilah wujudnya pelampau-pelampau sekular seperti perkataan 'pelampau-pelampau' telah digunakan kepada golongan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan membina perpaduan ummah atau menyatukan umat Islam khususnya di Malaysia, PAS berulang kali menyatakan kesediaannya untuk bermuzakarah dengan pihak kerajaan bagi mencari jalan menyelesaikan perselisihan berasaskan al-Quran dan sunnah. Malah Setiausaha Agung PAS telah pun menulis surat terbaru, yang paling baru kepada Setiausaha Agung UMNO pada bulan Disember lalu di mana mengulangi lagi kesediaan PAS untuk bermuzakarah. Malangnya tiada sebarang jawapan konkrit dari pemimpin-pemimpin UMNO, malahan ia disambut dengan kenyataan putar belit dengan melemparkan pelbagai fitnah, tuduhan dan prasangka jahat, lebih-lebih lagi ketika gimik kempen pilihan raya umum baru-baru ini. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, hasrat itu tenggelam begitu sahaja sehinggalah timbul pula tuduhan dari pemimpin UMNO, khususnya Presidennya kononnya PAS menyelewengkan akidah umat Islam. Satu tuduhan politik yang dilemparkan selepas 43 tahun PAS ditubuhkan. Bagi kami tuduhan ini sama sekali tidak menyumbang sebarang usaha untuk membina perpaduan ummah di Malaysia. Bagaimanapun, kami ingin menjawab bahawa sebarang langkah khususnya dari UMNO untuk menentukan secara muktamad pihak mana yang menyeleweng dan

membahayakan akidah umat Islam, ia mestilah merujuk kembali kepada al-Quran dan sunnah. Itulah sumber mutlak dan muktamad. Setiap pihak yang terlibat perlu mengkaji secara jujur dan ikhlas mengenai sebarang isu yang menyentuh kepentingan umat dengan berpandukan rujukan yang sahih serta bersedia menghindarkan diri dari bersikap degil, angkuh dan keras kepala. Cakap manusia boleh dipakai dan boleh ditolak melainkan firman Allah dan sabda Nabi Muhammad s.a.w. Pemimpin UMNO bila bercakap hendaknya tidaklah menggunakan akal semata-mata dan menolak panduan yang digariskan oleh al-Quran dan sunnah.

Tuan Yang di-Pertua, rekod perjuangan PAS selama 43 tahun boleh dibaca oleh setiap orang termasuk pemimpin-pemimpin UMNO bahawa PAS konsisten mengajak umat supaya kembali kepada ajaran Islam sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan, bukan menjadikan Islam hanya agama 'ritual', agama upacara, pameran-pameran, musabaqah-musabaqah, nasyid-nasyid, sambutan-sambutan seperti yang berlaku sekarang. Akibat dari pemahaman sekular.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan minta jalan. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa UMNO ini parti

yang mempamerkan Islam, tetapi adakah Yang Berhormat sedar di setiap ceramah-ceramah yang diadakan oleh PAS, PAS senantiasa memaki hamun sesama agama, sesama Islam, malah pemimpin-pemimpin UMNO sendiri difitnahkan memegang gelas arak, meminum arak. Ini ternyata semasa pilihan raya. Jadi, adakah ini mencerminkan bahawa PAS itu adalah sebuah parti Islam yang sejati atau parti memperjuangkan Islam? Dan kes-kes yang telah berlaku di Kelantan kerana kesilapan teknik, orang yang melakukan perkara yang tidak diterima oleh agama melakukan perbuatan khalwat boleh dilepaskan dengan begitu sahaja. [Tepuk] Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh selesai di sini. Selesai di luar dengan muzakarah. Selesai dengan muzakarah! [Disampuk] Tak cukup masa di sini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika menyambut Nuzul Quran dan Ma'al Hijrah, pemimpin-pemimpin mengajak umat menghayati ajaran al-Quran dan sunnah Nabi tetapi di masa yang sama menolak syariat Islam untuk dilaksanakan sepenuhnya di negara ini dengan pelbagai alasan dari lidah yang tidak bertulang. Bahkan ada kata-kata yang menghina syariat itu, malah usaha kerajaan Kelantan untuk melaksanakan syariat Islam di mana hudud termasuk di dalamnya bukan sahaja diperlekeh bahkan ditolak dan dihina hanya semata-mata yang berusaha itu sebuah kerajaan yang dianggap musuh. Kami di dalam PAS tidak pernah melihat ada sikap berlapang dada dari pemimpin kerajaan pusat dalam masalah ini, bahkan seluruh kekuatan

jentera kerajaan termasuk Pusat Islam dan tenaga-tenaga yang digunakan, media massa dan sebagainya digembleng untuk memberi gambaran buruk mengenai apa sahaja usaha kerajaan Kelantan untuk menegakkan Islam bukan.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Marang tunggu sekejap. Ada yang bangun hendak minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, saya beri.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Marang ada menyebut fasal hudud. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, sebelum hudud yang didakwa bahawa 'hudud Islam' yang dibuat oleh Parti PAS Kelantan adakah pihak PAS memperlawa daripada pihak UMNO 'bermuzakarah' sebelum hudud itu dibuat?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: 'Muzakarah' pernah diperlawakan sejak tahun 1982 dan pernah dianjurkan oleh pihak yang ketiga Pertubuhan-pertubuhan Islam, Persatuan Ulama, ABIM dan pertubuhan yang lain yang bersedia untuk menjadi orang tengah. Dan pihak PAS telah memberi jawapan sejak tahun 1982 tetapi sehingga hari ini tidak ada jawapan dari pihak UMNO, bersedia bagi mengadakan 'muzakarah' tersebut.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Maksud saya 'muzakarah' untuk membawa hukum hudud kerana kita tahu PAS di Kelantan ini sudah hampir 3 tahun memerintah barulah hukum hudud itu keluar. Jadi, kalau sudah lama disedia mengapa sudah hampir-hampir hujung pemerintahan di Kelantan barulah hukum hudud ini dijadikan satu enakmen. Saya ingin tahu mengenai 'muzakarah' untuk membuat hukum hudud, bukan 'muzakarah' fasal politik.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah menyerahkan deraf hudud kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sudah tentulah jawapannya mestilah dengan peringkat-peringkat yang dimulakan dengan muzakarah, dengan perbincangan dan kita meminta supaya kita menyertai sama dalam perbincangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat. Apa yang berlaku ialah menolak dengan begitu sahaja bahkan ada ugutan dari Perdana Menteri bahawa Kerajaan Pusat akan bertindak jika hudud dilaksanakan di Kelantan. Perdana Menteri pernah membuat kenyataan bahawa hudud tidak dilaksanakan di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Kita boleh merujuk kepada surat-surat khabar lama, yang mungkin boleh kita baca kembali.

Tuan Yang di-Pertua, sementara sebelum itu Menteri Pendidikan yang ada sekarang.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti sekejap Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: pernah juga memberi amaran bahawa Kerajaan Kelantan akan bertanggungjawab jika berlaku huru-hara kerana melaksanakan hudud.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: semua ugutan dan tekanan ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: menyerlahkan pihak manakah yang bertanggungjawab merosakkan akidah umat Islam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila, saya beri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Untuk pembetulan Yang Berhormat dari Marang, UMNO tidak pernah menolak hudud. Yang kita tolak adalah hudud PAS yang menyeleweng dari hudud asal al-Quran itu.

'Muzakarah' saya berpendapat kalau pemimpin-pemimpin PAS, penyokong-penyokong PAS dan kaki bising-kaki bising PAS itu dapat mendisiplinkan diri, tidak lagi menjatuhkan maruah dan darjat kedudukan orang-orang UMNO, insya Allah kita boleh duduk

semeja dan buanglah pemikiran fanatik itu, barulah kita boleh berunding. Ini yang 'putih' dikata 'hitam', sampai bila pun kita tidak boleh selesai. Jadi Yang Berhormat dari Marang ini tolong perbetul anak-anak buah kerana ucapan Yang Berhormat ini banyak menyentuh tentang al-Quran dan sunnah—itu bagus, tetapi tidak dipraktikkan oleh pengikut-pengikutnya. Jadi, yang ini saya minta Yang Berhormat tolong perbetul, beritahu Tok Nik Aziz sama, fasal apabila mereka pergi ke kawasan saya, mereka biasa kata "janggut saya tidak berapa urat", saya hendak bercakap fasal agama. Saya tanya balik "bila yang saya hantar dagu saya untuk Nik Aziz kira urat janggut saya?". Jadi jangan perhinakan manusia. Ini saya minta kepada PAS, kalau kita hendak bermuzakarah, lagi pun kita seagama dan sebangsa, jadi buatlah benda-benda yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya juga perlu memperbetulkan fahaman bahawa perkataan 'hudud' itu sendiri mengikut istilah Islam adalah suatu perkataan yang dinaskan, yang tidak boleh direka dan dicipta oleh manusia, dengan sebab itu tidak timbul hudud PAS atau hudud siapa. Apa yang menjadi perbincangan ialah perkara-perkara cabang daripadanya, perkataan "huraian" daripadanya. Itulah perkara yang boleh dibincang. Hudud adalah satu perkara yang dinaskan, yang ditetapkan dalam Quran dan Hadis Rasullullah s.a.w.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh aneh selepas 38 tahun merdeka, di mana UMNO menjadi tulang-belakang kerajaan tidak ada sebarang hasrat dan usaha mereka untuk melaksanakan

syariat Islam sepenuhnya secara menyeluruh walau secara berperingkat-peringkat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: seperti program-program pembangunan negara, malangnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: apabila ada usaha pihak lain hendak melaksanakannya ugutan dan tekanan telah dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti habis sekejap.

Kami percaya selagi sikap seperti ini dilakukan oleh kepimpinan UMNO, selagi itulah Islam tidak dapat didaulatkan sepenuhnya dan tidak akan terbina jambatan perpaduan ummah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Marang, adakah beliau setuju tadi dia kata Menteri Besar Kelantan menghantar draf enakmen hudud PAS itu kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri tolak. Tetapi sebenarnya Perdana Menteri jawab dengan bertulis dan beliau memberi hujah-hujah yang kuat, yang kukuh bahawa walaupun beliau bersetuju

dengan hudud, tetapi apa yang sedang terkandung dalam enakmen itu adalah banyak penyelewengan. Itulah sebabnya bahawa kita terpaksa tolak. Jadi 'tolak' bersebab ada asas yang kukuh bahawa itu bukan hudud yang di'enact'kan, tetapi adalah hudud PAS.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh kerana Yang Berhormat tidak membaca surat tersebut mungkin melalui laporan akhbar sahaja,

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Baca.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau baca Alhamdulillah. Tetapi di dalam surat tersebut bukan sahaja terkandung apa yang dikatakan hujah, tetapi ugutan-ugutan yang sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, hendak dikemukakan hujah mestilah juga dipanggil pihak PAS supaya diadakan perbincangan selepas daripada itu. Apa yang menjadi masalah tidak ada perbincangan dan tidak dibuka untuk pintu perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak berputus asa sekali-kali dan mengajak pemimpin-pemimpin UMNO bermuzakarah menyelesaikan masalah berasaskan Quran dan sunnah. Jika perlu diajak mufti-mufti di seluruh negara pembuktian penyelewengan akidah hendaklah disandarkan kepada nas-nas al-Quran dan sunnah serta rujukan ulama-ulama muktabar. Jika Perdana Menteri tidak tahu ia boleh memanggil pembantu untuk menolongnya, sebarang ugutan, amaran, tindakan, kecaman dan lain-lain dari pemimpin UMNO tidak akan membantu mencapai hasrat membina perpaduan ummah.

Kemenangan besar Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini sesungguhnya bukan syarat mutlak

bahawa umat Islam di Malaysia setuju dengan pemimpin UMNO secara menyeluruh bahawa syariat Islam tidak wajar dilaksanakan di Malaysia. Sokongan hampir separuh umat Islam di Malaysia terhadap PAS dalam pilihan raya itu menunjukkan hakikat ini bahkan ia adalah isyarat jelas bahawa mereka umat Islam menyetujui syariat Islam dilaksanakan sepenuhnya.

Ada pun orang-orang bukan Islam yang menolaknya ia adalah disebabkan langkah pemimpin kerajaan memberikan gambaran yang tidak jelas mengenai syariat Islam kepada mereka, melakukan kesilapan fakta sejarah khususnya sejarah Islam seperti kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri baru-baru ini ketika berucap di Persidangan Antarabangsa mengenai 'Masa Depan Asia' di Tokyo pada 19 Mei lalu. Antara lain beliau menyebut "Bahawa dari segi sejarah orang Eropah mempunyai pengalaman buruk dengan orang Asia, orang Monggol, orang Othmaniah, Kerajaan Othmaniah Turki dan Arab bukan sahaja menyerang dan menakluk, malah memusnahkan bumi Eropah, membakar, membunuh dan menawan rakyatnya untuk dijadikan hamba berkurun-kurun lamanya, mereka hidup di dalam kebimbangan terhadap serangan orang Turki", konon inilah faktor orang Barat takut kepada orang Asia.

Fakta yang diutarakan oleh Perdana Menteri ini salah sama sekali kerana ia menggambarkan betapa jahatnya orang Islam atau tentera Islam di Eropah. Jika Perdana Menteri benar-benar mengkaji sejarah Kerajaan Othmaniah di Turki dan sejarah pemerintahan Islam di Sepanyol dari sumber yang autoritatif dan bukannya dari sumber orientalis, Perdana

Menteri tidak akan membuat kenyataan sedemikian. Tidak ada seinci pun bumi Eropah, khususnya di negara Balkan termasuk Bosnia, Albania dan lain-lain yang dibakar hangus oleh tentera Islam Turki. Bahkan rakyat negara-negara itu mengalu-alukan kedatangan tentera Turki dan bersedia menerima pemerintahan Islam Othmaniah. Kalau ada pun penentangan ianya datang dari golongan kecil fanatik Kristian dan Yahudi dan dendam golongan inilah yang membakar kembali permusuhan orang-orang Serbs terhadap umat Islam di Bosnia sekarang ini.

Begitu juga ketika Tariq ibnu Ziad menakluki Sepanyol, tidak seorang pun yang dipaksa memeluk Islam. Bahkan rakyat Sepanyol yang memeluk Islam ialah atas kerelaan mereka sendiri. Malangnya, apabila Kerajaan Islam Sepanyol dijatuhkan, ramai umat Islam di negara itu dipaksa memeluk Kristian. Ini juga berlaku di setengah-setengah negara Balkan selepas pemerintahan Khulafa' Othmaniah ditewaskan. Ketika menakluki Sepanyol tidak ada kampung-kampung di bumi Sepanyol dihanguskan oleh tentera Islam. Rekod kecemerlangan pemerintahan Islam di Sepanyol boleh didapati di mana-mana dan Perdana Menteri boleh menatapnya.

Sepanyol yang kecil dan tersisih di Eropah kemudiannya muncul sebagai pusat tamaddun yang unggul ketika ia diperintah oleh Islam. Bahkan kemajuan luar biasa telah tercapai. Kehadiran tentera Islam baik di Sepanyol ataupun di negara-negara pemerintahan Othmaniah di Balkan tidak bersifat sebagai penakluk tetapi bersikap sebagai pembebas. Selepas negara-negara itu dibebaskan, ia membina pula tamadun-tamadun Islam

yang unggul seperti yang dapat dilihat sehingga hari ini di Cordoba dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pilihan raya umum telah berlalu dan kami di dalam PAS menerima secara 'gentleman' keputusan itu. Kami bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana mendapat kemenangan di Kelantan dan kami mengharapkan supaya sikap berat sebelah hendaklah diubah supaya diberi peluang kepada Kelantan melaksanakan apa yang dijanjikan di dalam manifesto mengikut kadar kemampuan yang diberi kepada kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kami sangat bergembira dengan peningkatan per kapita yang melonjak begitu rupa seperti yang dijelaskan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya merupakan suatu perkembangan ekonomi negara ke arah kemajuan. Tetapi kami ingin supaya kerajaan tidak boleh mengukur secara borong sahaja tanpa pendetilan yang menyenaraikan masih ramai lagi rakyat miskin dan termiskin yang tidak terbela. Seperti negeri Terengganu, kerajaannya kaya di kalangan kerajaan-kerajaan negeri tetapi rakyatnya termasuk dalam senarai atas yang dihitungkan sebagai rakyat termiskin. Ini termasuk di Kedah, Kelantan dan lain-lain. Dan rakyat yang termiskin ini janganlah dijadikan bahan untuk mudah membeli undi dalam masa pilihan raya, maka mereka terus diwujudkan dengan pembelaan sekadar melepaskan batuk di tangga tanpa membebaskan dari belunggu kemiskinan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak cukup masa. Masa sudah lewat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya sudah beri banyak peluang. Saya rasa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak mahu beri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Fasal dia sebut Kedah. . . .

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih. Cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri!

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, pembahagian kekayaan negara tidak seharusnya di sekitar orang-orang yang tertentu sahaja. Seperti peluang pembelian saham-saham yang besar hanya berpusing di keliling golongan korporat yang menjadi pembiaya politik atau di keliling anak-anak buah politik yang memberi peluang kepada golongan tertentu.

Kami menyokong usaha ke arah memajukan negara dengan kepesatan industri berat dan besar. Peluang diberi kepada pelabur-pelabur asing sebagai sebahagian daripada usaha ke arah itu tetapi kerajaan perlu mengkaji sejauh mana pelabur-pelabur asing itu memberi sumbangan yang besar kepada berlakunya transfer teknologi tinggi kepada negara kita atau penyumbang kepada ekonomi negara dan semua rakyatnya dan bukannya orang-orang tertentu sahaja. Kalau

tidak ada suatu penyelarasan yang betul untuk menjayakan matlamat itu, maka pelabur hanya menjadi lintah besar yang menghisap darah rakyat negeri ini semata-mata bukannya menjadi kawan yang boleh diajak bekerjasama atau berusaha sama secara jujur. Kita tidak mahu mereka membawa suatu penjajahan baru, iaitu penjajahan ekonomi ke negara kita di samping kita pernah mengalami penjajahan politik dan ketenteraan yang masih belum selesai kesannya kepada sosio-budaya rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan ekonomi negara, nampaknya pihak kerajaan juga melaksanakan strategi dasar pertanian kepada peningkatan pengeluaran komoditi bernilai tinggi. Saya suka mengingatkan bahawa cara ini sangat bergantung dengan naik-turun dan pasang-surut yang memperjudikan ekonomi negara di bidang ini di samping mengapa kerajaan tidak juga meningkatkan strategi pertanian yang menghasilkan keperluan makanan yang menjadi perkara pokok kepada manusia dan lebih menjadi penumpuan kepada golongan termiskin.

Perlu difahami, negara-negara maju di seluruh dunia termasuk Amerika dan Jepun tetap tidak meninggalkan strategi pertanian ini bahkan ditingkatkan sehingga memenuhi atau melebihi keperluan negara mereka, terutamanya dalam keadaan keamanan dunia yang tidak menentu.

Sangat malang kalau mereka menggalakkan kita menimbus sawah-sawah padi untuk dijadikan padang golf atau kemudahan untuk mereka melancong ke sini atau untuk kolam ternakan udang yang menjadi makanan mewah, sedangkan di negeri mereka sendiri mempunyai keperluan makanan

yang cukup bila-bila masa dengan strategi pertanian dan bukan dengan eksport melalui kekayaan negara sahaja.

Kita melihat bagaimana negara yang meningkatkan kegiatan pertanian dan keperluan makanan ini boleh menghadapi kepungan antarabangsa—Iran, Iraq dan Sudan yang sedang menghadapi kepungan dunia Barat hari ini tidak menghadapi masalah kekurangan makanan dan tidak menghadapi masalah yang menekan rakyat, khususnya rakyat yang termiskin walaupun tindakan-tindakan politik dilakukan begitu rupa. Ini menunjukkan bahawa strategi meningkatkan pertanian yang menghasilkan barang-barang makanan keperluan rakyat adalah satu perkara yang sangat penting yang tidak boleh diabaikan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat hendaklah sedar bahawa masih banyak lagi kerajaan-kerajaan negeri yang menutup permohonan tanah pertanian dan tempat tinggal untuk rakyat termiskin sehingga menjadi masalah berlaku tumbuhnya kawasan-kawasan setinggian dan penerokaan tanah secara melanggar undang-undang, kerana sebab-sebab yang menjadikan rakyat terdesak melakukan sedemikian dan sering kali penyelesaiannya dijadikan satu peluang ugutan politik di masa pilihan raya dan bukannya untuk menjadi penyelesaian yang berkekalan.

Contohnya, sepanjang tahun diberikan kebenaran sementara tetapi tidak diberi hakmilik selama-lamanya atau diberi borang di musim pilihan raya, walaupun perkara ini kebanyakannya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh kerana

ianya berlarutan, maka suatu tindakan pembedahan atau mengatasi masalah oleh Kerajaan Pusat sangat diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada dua orang bangun minta jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masa sudah suntuk, ada lagi kawan-kawan lain yang hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri Yang Berhormat. Minta kedua-duanya duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, PAS bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana memberikan nikmat kemakmuran kepada rakyat Malaysia hingga dapat hidup selesa. Kemakmuran ini adalah amanah Allah kepada rakyat Malaysia dan dengan itu kita jangan sampai takabbur dan percaya bahawa kemajuan ekonomi ini semata-mata kerana daya usaha pemimpin dan rakyat Malaysia sendiri, tanpa kurnia dan pertolongan Allah S.W.T.—dalam keghairahan puji-memuji, sanjung-menyanjung sesama sendiri—kerana dalam era kemajuan pesat ekonomi negara, kita hendaklah berwaspada dan bertanggungjawab menjaganya dengan penuh amanah.

Di samping itu, dalam keghairahan mengejar kemajuan ekonomi, jangan hendaknya kita menjadikan ekonomi itu matlamat hidup atau akidah baru. Seperti kata Dr. Imran Hussein, seorang intelektual muslim yang

terkenal baru-baru ini bahawa sudah ada tanda-tanda kebanyakan manusia khususnya di Barat kini, menyembah wang dan harta, menjadikannya tuhan-tuhan baru yang dipuja. Dengan itu, ingin kami mengingatkan di dalam Dewan ini supaya pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara kita sekarang tidak melahirkan suatu suasana di mana ekonomi menjadi akidah baru yang disembah tanpa disedari. Jika ini berlaku, Allah akan menimpakan bala bencana dan azab yang sangat pedih yang akan dirasakan oleh semua orang.

Kami mengingatkan ini kerana sudah kelihatan beberapa isyarat ke arah itu, kerancakan orang memperkatakan dan memburu kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata, memaksa kita bertanya, di mana Allah, di mana peranan Allah dalam menentukan kehidupan ini, di mana pula kedudukan peranan kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, apabila kami bercakap mengenai fenomena ini, jangan ada pihak yang melanjutkan fitnah jahat kononnya PAS anti pembangunan, kolot dan beku, memutar jarum zaman kebelakang. Kami sama sekali tidak anti pembangunan bahkan akan terus menyokong semua program pembangunan dengan syarat ia tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi wajar berkembang tetapi akar umbi riba mesti dicabut dari lingkaran ekonomi. Kami telah mengingatkan sejak lama dahulu kepada kerajaan, malangnya sumber haram ini masih dibiarkan hidup subur dan berkembang seolah-olah tanpa riba ekonomi Malaysia akan runtuh, perdagangan lumpuh dan kemajuan terbantut. Jika ada pemimpin kerajaan yang beragama

Islam percaya dengan andaian ini, ia wajar menyoal kembali dirinya sebagai seorang Islam yang mesti yakin kepada hukum Islam.

Seperti yang telah kami tegaskan berulang kali, dan sekali lagi ditegaskan di Dewan ini, bahawa PAS tidak boleh menerima program ekonomi yang bercanggah dengan Islam. Tidak menerima konsep “membujur lalu melintang patah” dan kami juga tidak menerima ekonomi yang memberi keutamaan kepada golongan kapitalis yang membolot kekayaan negara dan menjadikan rakyat terbanyak sebagai alat kepentingan mereka. PAS tidak menafikan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sudah lewat, Tuan Yang di-Pertua. PAS tidak menafikan pembangunan ekonomi yang sedang berjalan, terutama dalam bidang industri, tetapi itu bukan luar biasa kerana pembangunan ekonomi dalam pelbagai sektor termasuk industri adalah program umum bagi semua negara di dunia hari ini sama ada negara maju atau membangun.

Isu pokok yang dibincang di kalangan ahli ekonomi sekarang ialah apakah garis dan langkah penting yang perlu diawasi agar pembangunan ekonomi negara tidak menjejaskan kepentingan rakyat untuk jangka panjang dan jangka pendek? Pembolotan sumber kekayaan negara oleh sekelompok orang yang berligar di bawah dagu pemimpin yang berkuasa — lambat laun akan melahirkan penindasan berterusan ke

atas rakyat miskin dan lemah dan menyebabkan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Janganlah harta itu berkisar di sekitar orang-orang yang kaya sahaja sebagaimana yang dilarang oleh al-Quranul-karim yang bermaksud “supaya harta tidak berkisar di sekitar orang-orang kaya sahaja”. Sekali lagi, kami mengingatkan pemimpin negara

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tertarik dengan kenyataan sahabat saya dari Marang mengenai sistem ekonomi yang dikatakan tidak betul. Jadi, saya ingin tanya apakah sistem ekonomi yang akan diketengahkan oleh pihak PAS? Sekiranya Kelantan menjadi negara ataupun negeri model kepada pemerintahan PAS, saya hendak tanya apakah sistem ekonomi yang telah pun dicetuskan oleh pihak PAS di negeri Kelantan, supaya dapat menjawab dan menjadi bukti bahawa yang dilakukan sekarang ini tidak pragmatik? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perlu satu ceramah yang lain [Ketawa]—kena beri ceramah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kami mengingatkan pemimpin negara supaya dalam merancang ekonomi dengan mengatur program pembangunan, rujukan kepada agama adalah sesuatu yang mesti dilakukan. Islam mesti memandu negara di dalam semua bidang, khususnya di dalam

bidang ekonomi, bukan hanya diambil menjadi selingan di mana perlu sahaja. Ia bukan jambangan bunga semata-mata untuk menghias meja tetapi Islam mesti dipulangkan haknya untuk berdiri di depan dan memandu kita. Kami percaya, bagaimana pesatnya. . . .

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang ini orang baru, boleh beri.

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Assalamu'alaikum warahmatullahi-wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang kenyataan Yang Berhormat Marang iaitu kerajaan tidak melaksanakan syariah Islam mengikut landasan menghapuskan riba. Pada tahun 1983, Yang Berhormat Marang telah membuat kenyataan di dalam syarahannya iaitu tentang penubuhan Bank Islam dan menyatakan bahawa seolah-olah seketul daging babi di dalam sekawah daging lembu—na'uzubillah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, kita sama-sama orang Islam, kita sepatutnya menginsafi bahawa usaha-usaha kerajaan adalah usaha-usaha yang mulia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bangun minta penjelasan? Minta penjelasan sahaja, jangan berucap.

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said: Soalan saya adalah, adakah usaha-usaha kerajaan menubuhkan

Bank Islam itu bukannya usaha-usaha untuk menjauhkan daripada aktiviti riba? Sila jawab soalan saya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak apa, orang baru, saya maafkan dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah membuat kenyataan mengenai 'daging babi'—tidak pernah saya buat kenyataan sebegitu, tidak pernah buat.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak memberitahu bahawa satu-satunya kerajaan negeri yang meletakkan duit kerajaan negeri dalam Bank Islam ialah Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan negeri lain masih tidak memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada Bank Islam. Itu sahaja jawabannya.

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah, cukup. Kami di dalam PAS menyokong usaha anti inflasi oleh kerajaan sehingga mencapai matlamat inflasi sifar, yakni Malaysia tanpa inflasi. Rakyat digalak supaya hanya membeli barang-barang perlu berjimat-cermat, mengutamakan barang-barang keperluan tempatan dan menghindari dari membeli barang-barang mewah luar negeri. Saranan ini memang baik, namun kenyataan yang ada, iaitu gaya hidup bermewah-mewah, yang ditunjuk oleh sesetengah golongan pemimpin negara, golongan korporat dan orang-orang kaya adalah bertentangan dengan kempen anti inflasi itu sendiri.

Adalah sukar untuk mencapai matlamat inflasi sifar, selagi pemimpin dan golongan atasan tidak menunjukkan contoh bersama-sama memerangi inflasi.

Mengharapkan hanya golongan rakyat biasa memerangi inflasi dengan melupakan peranan golongan elit yang amat penting adalah tidak munasabah sama sekali. Memakai kereta, kot, kasut, tali leher, perabot rumah yang beratus-ratus ribu ringgit, bahkan lebih dari itu berbelanja barang-barang mewah semahu-mahunya tidak menyumbang ke arah Kempen Inflasi Sifar. Bagaimanapun, kami menyokong penuh usaha bagi memerangi inflasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dan akhirnya saya ingin menyentuh dasar luar negeri. PAS menyokong cadangan Perdana Menteri supaya Bangsa-Bangsa Bersatu dibuat perubahan, sokongan penuh supaya amalan diskriminasi double-standard oleh negara besar dapat diatasi. Ianya mestilah dengan melakukan usaha bagi mempengaruhi masyarakat antarabangsa sama ada melalui pertubuhan-pertubuhan yang disertai oleh Malaysia seperti OIC, Komanwel, ASEAN dan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri dan hubungan dua hala dengan negara lain. Saya percaya sudah tentu kerajaan dapat menggunakan pengaruhnya dengan saluran tersebut kerana sudah tiba masanya masyarakat antarabangsa tidak memejam mata dan kita mengajak negara yang memejam mata supaya membuka mata. Jangan membiarkan berlakunya keadaan seperti Bosnia dan lain-lain.

Kami mengucapkan syabas di atas sikap kerajaan berhubung dengan Bosnia-Herzegovina [*Tepuk*] dan kami berharap supaya ianya ditingkatkan lagi kepada cara yang lebih berkesan

tanpa menghirau amaran-amaran yang diberi oleh Amerika dan sekutu-sekutunya dan kami mengharap supaya kita membina kekuatan bertindak di kalangan negara-negara Islam dan negara-negara sedang membangun dengan tidak mengharapkan kuasa besar dunia yang masih bersikap dan bersemangat kolonialisme. Usaha-usaha juga boleh dilakukan dengan pakatan-pakatan ekonomi dan lain-lain di kalangan negara-negara sahabat yang boleh dipercayai seperti meningkatkan kegiatan OIC dan pertubuhan-pertubuhan negara yang tidak melibatkan negara-negara besar kepada suatu pakatan politik, ekonomi dan ketenteraan yang lebih berkesan dan kuat yang tidak memerlukan lagi kepada seperti NATO yang tidak adil.

PAS berharap kerajaan juga perlu bersikap adil dalam masalah-masalah yang lain daripada Bosnia-Herzegovina seperti masalah Palestine, Kashmir, Chechnya yang masih bergolok sehingga hari ini tidak ada sebuah negara Islam pun yang mengiktiraf kerajaan Chechnya ketika ianya ditubuhkan dan pertempuran masih berlaku, pergolakan masih berlaku walaupun beritanya ditutup oleh media massa, pembunuhan masih berlaku, kekejaman masih berlaku dan penentangan rakyat Chechnya masih berlaku dan kita mahu supaya kerajaan mengkaji semula hubungan dengan negara yang terlibat melakukan kezaliman iaitu Russia. Perjanjian pembelian senjata dengan Russia hendaklah dikaji semula. Kerajaan boleh membeli senjata dari negeri-negeri yang lain daripada Russia yang boleh memberi pembekalan yang lebih murah daripada Russia.

Saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Mudah-mudahan menjadi renungan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Keningau.

6.24 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong di Dewan yang mulia ini, yang telah dilafazkan pada 8 Jun.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya. Dalam kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Seri Paduka Baginda atas titah ucapan yang penuh hikmat, dorongan dan cabaran. Adalah harapan kita semua agar cita-itanya dan matlamat yang terkandung dalam Titah Ucapan Diraja tersebut akan menjadi kenyataan demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Titah Diraja telah menyentuh banyak perkara yang harus diberi perhatian khususnya oleh Dewan yang mulia ini dan pihak kerajaan khususnya. Dengan kemenangan yang diperolehi oleh Barisan Nasional pada pilihan raya yang baru lalu, adalah harapan rakyat supaya pihak kerajaan akan mentadbir dengan baik dan melaksanakan semua rancangan-rancangan dan janji-janji

pembangunan yang telah ditawarkan kepada rakyat pada masa pilihan raya tersebut.

Dengan kemenangan yang telah dinikmati, pihak kerajaan haruslah memelihara mandat tersebut dengan penuh hormat kepada harapan dan sokongan rakyat supaya tidak timbul sifat-sifat angkuh dan lupa daratan khususnya dalam hal menjalankan pentadbiran dan pelaksanaan rancangan-rancangan kerajaan seperti mana yang telah dijanjikan kepada pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah diperhatikan bahawa kejayaan pihak Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru lalu tidak semestinya membuktikan bahawa segala rancangan pembangunan negara direstui oleh semua pihak. Perkara ini adalah suatu kenyataan memandangkan bahawa walaupun pihak Barisan Nasional telah mencapai majoriti dengan jumlah kerusi yang besar, peratusan undi yang dicapai oleh pihak Barisan Nasional mengikut NST ialah hanya kira-kira 52% sahaja. Khususnya di negeri Kelantan dan Sabah, undi bantahan kepada kerajaan Barisan Nasional adalah amat ketara sekali dan ini dengan sekaligus membuktikan bahawa sebahagian besar rakyat di kedua-dua negeri tersebut serta jumlah yang cukup besar juga di kawasan-kawasan lain tidak merestui corak pentadbiran dan stail politik Barisan Nasional. Maka adalah diharapkan. ...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan Bangun minta jalan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Baru mulai sudah. . . .barangkali besok bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Esok, dia tidak beri.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Maka adalah diharapkan agar fakta ini diambil kira sebagai teguran yang penting kepada kerajaan supaya usaha akan diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan pentadbiran dan dasar-dasar yang sedia ada dan tidak sebaliknya dijadikan pula sebagai asas untuk bertindak angkuh dan menindas golongan rakyat yang tidak memihak kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang penting yang disentuh dalam Titah Ucapan Diraja ialah perpaduan dan integrasi nasional. Kita semua faham bahawa perpaduan masyarakat itu adalah asas kepada usaha membangun sesuatu negara kerana tanpa perpaduan di kalangan rakyat, maka usaha pembangunan ekonomi akan sia-sia belaka.

Berasaskan kepada kebenaran inilah semua pihak dan golongan rakyat Malaysia telah menerima dengan baik matlamat pembangunan yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru semenjak ia mula dilaksanakan pada tahun 1970 dan kini diteruskan melalui Dasar Ekonomi Negara iaitu mencapai perpaduan ataupun national unity dan integrasi nasional kalangan rakyat negara Malaysia yang berbilang kaum. Matlamat ini adalah murni dan usaha kerajaan untuk mencapainya haruslah diteruskan kerana pada keseluruhannya matlamat ini belum lagi tercapai ke tahap yang memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa hari ini sudah cukup, minta sambung esok.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.